

Bil. S 13

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH TELEKOMUNIKASI, 2001

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

HAK ISTIMEWA DAN PELESENAN DLL. SISTEM TELEKOMUNIKASI

3. Hak istimewa berhubung dengan telekomunikasi.
4. Kekecualian kepada bab 3.
5. Kuasa untuk melesenkan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi.
6. Penetapan pemegang lesen telekomunikasi awam.
7. Pengubahsuaian syarat-syarat lesen.
8. Penggantungan atau pembatalan lesen dll.
9. Kebenaran kelengkapan.
10. Kuasa baki Pihak Berkuasa untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi.
11. Caj dan terma-terma lain bagi perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN III

PEMBINAAN, PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN PEPASANGAN TELEKOMUNIKASI

12. Kuasa untuk memasuki dan memeriksa tanah selain dari tanah Kerajaan.
13. Kuasa untuk memasuki tanah Kerajaan bagi maksud-maksud pepasangan atau loji.
14. Kuasa untuk memasuki tanah lain bagi maksud-maksud pepasangan atau loji.
15. Pengecualian ke atas perjanjian izinlalu.
16. Pemeriksaan, penyenggaraan dan pembaikan pepasangan atau loji untuk telekomunikasi.
17. Pemindahan atau perubahan pepasangan atau loji untuk telekomunikasi.
18. Pemindahan pokok yang membahayakan atau menghalang sebarang pepasangan atau loji untuk telekomunikasi.
19. Penyediaan ruang atau kemudahan oleh pemaju atau pemilik bangunan.
20. Penyediaan kemudahan bagi radio-komunikasi.
21. Penyediaan pepasangan, loji atau sistem atau ruang atau kemudahan dengan arahan Pihak Berkuasa.
22. Berkongsi pepasangan, loji atau sistem.
23. Pertikaian tentang pampasan.
24. Langkah berhati-hati dalam melaksanakan kerja.
25. Pengecualian dari distres dan penahanan dll.

BAHAGIAN IV

TATAAMALAN DAN ARAHAN

26. Tataamalan dan piawaian prestasi.
27. Arahan yang menyentuh pemegang lesen telekomunikasi.
28. Garis panduan nasihat.

BAHAGIAN V

KERJA PENGESANAN KABEL TELEKOMUNIKASI

29. Kerja pengesanan kabel telekomunikasi hendaklah dijalankan sebelum kerja tanah.
30. Kuasa-kuasa Pihak Berkuasa berkenaan dengan kerja pengesanan kabel telekomunikasi.
31. Pekerja-pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen.
32. Kewajipan untuk menyiasat sebelum pengorekan.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN DAN HUKUMAN

33. Pengendalian sistem atau perkhidmatan telekomunikasi yang menyalahi undang-undang.
34. Larangan berkaitan dengan kelengkapan telekomunikasi dan radio-komunikasi.
35. Hukuman bagi stesen yang tidak berlesen.
36. Pengecualian dari bab-bab 33, 34 dan 35.
37. Kuasa untuk menggeledah dan merampas.
38. Memeterai sistem atau kelengkapan telekomunikasi dll.
39. Menggunakan sistem atau perkhidmatan telekomunikasi yang menyalahi undang-undang.
40. Menghalang pemegang lesen telekomunikasi awam.
41. Merosakkan dengan sengaja pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi.
42. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pegawai, pekerja atau ejen pemegang lesen telekomunikasi awam.
43. Menggunakan perkhidmatan telekomunikasi dengan cara tipuan.
44. Memiliki atau membekalkan apa-apa benda dengan maksud untuk menipu berhubung dengan penggunaan perkhidmatan telekomunikasi.

45. Mengirim perutusan palsu.
46. Menyimpan perutusan dengan cara tipuan.
47. Melindungi pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi.
48. Larangan membuat notis palsu berkenaan dengan pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam.
49. Kerosakan pada pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam.
50. Pampasan kerana kerosakan yang berlaku pada pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam.
51. Hukuman kerana menanggalkan apa-apa tanda yang menunjukkan peranti telah digunakan bagi maksud-maksud telefon.
52. Kegagalan untuk memutuskan kelengkapan yang tidak dibenarkan di bawah bab 9.

BAHAGIAN VII

OBLIGASI ANTARABANGSA DAN KEPENTINGAN NEGARA

53. Hak untuk menjalankan urusan perniagaan antarabangsa.
54. Hak antarabangsa Kerajaan yang utama.
55. Tanggungan obligasi kewangan antarabangsa.
56. Sumbangan Kerajaan.
57. Pembekalan kepada Kerajaan perkhidmatan telekomunikasi dll.
58. Sistem pembekalan perkhidmatan sejagat.
59. Takrifan "kawasan yang kurang mendapat kemudahan" dan "kumpulan yang kurang mendapat kemudahan di dalam masyarakat".
60. Dana Pembekalan Perkhidmatan Sejagat.
61. Arahan Menteri.

BAHAGIAN VIII

KUASA DAN PROSEDUR PENGUATKUASAAN

62. Kuasa untuk menghendaki maklumat dll.
63. Kuasa untuk menangkap dan memeriksa berkaitan dengan kesalahan-kesalahan boleh tangkap.
64. Kuasa untuk memeriksa dan menangkap berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah bab 33 atau 44.
65. Menghalang pegawai polis.
66. Kos atau gantirugi atau pelepasan lain yang timbul dari rampasan tidak boleh didapatkan kembali melainkan jika rampasan adalah tanpa sebab yang munasabah atau mungkin.
67. Komposisi kesalahan.
68. Hukuman am.
69. Mengecualikan pendakwaan di bawah undang-undang bertulis lain.
70. Bidang kuasa Mahkamah.
71. Kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan orang.

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

72. Rayuan kepada Menteri.
73. Pengecualian tanggungan pemegang lesen telekomunikasi awam.
74. Penyampaian dokumen.
75. Perkara yang dikecualikan.
76. Pengecualian oleh Menteri.
77. Peraturan-peraturan.
78. Pemansuhan.
79. Pengecualian dan peruntukan-peruntukan peralihan.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH TELEKOMUNIKASI, 2001

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Telekomunikasi, 2001 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pengendalian dan pembekalan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam, dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Akta yang dimansuhkan" bermakna Akta Telekom (Penggal 54) yang dimansuhkan oleh Perintah ini;

"gelombang Hertz atau radio" bermakna perambatan gelombang elektromagnet dalam frekuensi yang tidak melebihi dari 1,000 terahertz di udara tanpa sebarang penunjuk buatan;

"hari yang ditetapkan" bermakna tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini;

"jalan" termasuk mana-mana lorong, jalan raya, jalan kecil, lintasan, laluan atau tempat terbuka, sama ada jalan besar atau tidak, yang di atasnya orang ramai mempunyai hak lalu lalang dan juga jalan kenderaan dan lorong pejalan kaki di atas mana-mana jambatan awam dan termasuk mana-mana jalan raya, lorong pejalan kaki atau laluan, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan sebagai cara untuk memasuki dua tanah atau lebih, sama ada orang ramai mempunyai hak lalu lalang di atasnya atau tidak;

"JTB" bermakna Jabatan Telekom Kerajaan yang sedia ada sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001;

"kabel telekomunikasi" bermakna sebarang kabel suatu sistem telekomunikasi yang dippunyai oleh atau di bawah pengurusan atau kawalan pemegang lesen sistem telekomunikasi;

"kelengkapan" termasuk sebarang alat, perkakas atau aksesori yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi maksud-maksud telekomunikasi;

"kerja pengesanan kabel telekomunikasi" bermakna sebarang kerja mengesan atau mencari kedudukan sebarang kabel telekomunikasi bawah tanah;

"kerja tanah" termasuk —

(a) sebarang perbuatan menggali tanah, batuan atau bahan lain (dengan apa cara pun) berhubung dengan —

(i) sebarang kerja bagi atau berkenaan dengan pembinaan, pembinaan semula, binaan tambahan, pengubahsuaian, pengubahan, perobohan atau pemberian sebarang bangunan, jalan raya, landasan keretapi, jambatan, jejambat, jejantas, kerja betung atau kumbahan;

(ii) sebarang kerja bagi atau berkenaan dengan pemasangan, periksaan, pemberian atau penggantian sebarang saluran utama, paip, kabel, alat atau perkakas lain;

(iii) sebarang kerja penyelidikan tanah; atau

(iv) kerja lain yang biasanya dilakukan oleh seseorang yang menjalankan perniagaan sebagai kontraktor dalam industri pembinaan atau sebagai jurutera profesional awam atau struktur;

(b) sebarang perbuatan menggerek, mengorek, membicu, meratakan, mencerucuk atau membuat terowong di atas atau di bawah sebarang bangunan atau jalan dengan menggunakan sebarang alat mekanikal; dan

(c) mencacak atau membenamkan sebarang rod tanah, selongsong atau tiub ke dalam tanah;

"Ketua Eksekutif" bermakna Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa dan termasuk mana-mana Ketua Eksekutif sementara Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah bab 10 dari Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001;

"lesen kerja pengesanan kabel telekomunikasi" bermakna suatu lesen yang diberikan di bawah bab 29;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara telekomunikasi;

"pekerja pengesan kabel telekomunikasi" bermakna mana-mana orang yang pertukangan atau pekerjaannya menghendaki atau termasuk perlaksanaan olehnya sendiri akan kerja pengesanan kabel telekomunikasi;

"pemegang lesen sistem telekomunikasi" bermakna seseorang yang dileSENkan di bawah bab 5 untuk mengendalikan suatu sistem telekomunikasi;

"pemegang lesen telekomunikasi" bermakna seseorang yang telah diberikan suatu lesen di bawah bab 5;

"pemegang lesen telekomunikasi awam" bermakna seseorang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa di bawah bab 6;

"pepasangan atau loji yang digunakan bagi telekomunikasi" termasuk semua bangunan, tanah, struktur, jentera, kelengkapan, kabel, tiang dan talian yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan berhubung dengan telekomunikasi;

"pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam" bermakna sebarang pepasangan atau loji yang digunakan bagi telekomunikasi yang dipunyai atau digunakan oleh pemegang lesen telekomunikasi awam;

"perkhidmatan radio-komunikasi" bermakna sebarang perkhidmatan radio-komunikasi;

"perkhidmatan telekomunikasi" bermakna sebarang perkhidmatan telekomunikasi tetapi tidak termasuk sebarang perkhidmatan penyiaran;

"perutusan" bermakna sebarang jenis isyarat, semboyan, tulisan, gambaran, bunyi, risikan atau maklumat yang dihantar melalui telekomunikasi;

"Pihak Berkuasa" bermakna Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan di bawah Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001;

"radio-komunikasi" bermakna sebarang telekomunikasi melalui gelombang Hertz atau radio;

"saham" termasuk stok;

"sekuriti", berkenaan dengan suatu syarikat, termasuk saham, debentur, bon dan sekuriti lain syarikat itu, sama ada atau tidak menjadi suatu cagaran ke atas aset syarikat itu;

"sistem radio-komunikasi" bermakna sebarang sistem yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi radio-komunikasi;

"sistem telekomunikasi" bermakna sebarang sistem yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi telekomunikasi;

"talian telekomunikasi" bermakna suatu kawat atau kabel yang digunakan untuk telekomunikasi dengan sebarang selongsong, salutan, tiub atau paip yang menutupinya dan sebarang alat dan perkakas berhubung dengannya bagi maksud mengikat atau menebatnya;

"tataamalan" dan "piawaian prestasi" bermakna, masing-masing, suatu tataamalan dan suatu piawaian prestasi yang dikeluarkan atau dibenarkan di bawah bab 26;

"telekomunikasi" bermakna sebarang jenis penghantaran, pemancaran atau penerimaan isyarat, semboyan, tulisan, gambaran, bunyi atau risikan dengan kawat, radio, sistem optik atau sistem elektromagnet yang lain sama ada atau tidak isyarat, semboyan, tulisan, gambaran, bunyi atau risikan tersebut terdedah kepada penyusunan semula, pengiraan atau proses lain dengan apa-apa cara semasa penghantaran, pemancaran atau penerimaannya;

"vesel" termasuk sebarang kapal, bot, kenderaan berkusyen udara atau rig terapung atau pelantar yang digunakan dalam sebarang bentuk pengendalian di laut atau sebarang perihalan lain vesel.

BAHAGIAN II HAK ISTIMEWA DAN PELESENAN DLL. SISTEM TELEKOMUNIKASI

Hak istimewa berhubung dengan telekomunikasi.

3. (1) Mulai dari hari yang ditetapkan dan tertakluk kepada Perintah ini, Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai hak istimewa untuk mengendalikan dan membekalkan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam.

(2) Hak istimewa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa oleh ceraian (1) hendaklah —

(a) termasuk hak untuk mengadakan, memasang, menggunakan, mengerjakan, menyenggara, memajukan, membina, menggalakkan, menyewakan dan menjual sistem dan perkhidmatan telekomunikasi; dan

(b) diperluaskan kepada setiap vesel atau pesawat terbang yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan setiap vesel, pesawat terbang lain dan sebarang kenderaan, sama ada digerakkan dengan jentera atau tidak, di Negara Brunei Darussalam.

Kekecualian kepada bab 3.

4. Hak istimewa yang diberikan oleh bab 3 tidaklah dilanggar dengan —

(a) menjalankan oleh seseorang semata-mata untuk kegunaannya sendiri atau semata-mata bagi maksud-maksud perniagaannya (tetapi bukan untuk membekalkan sebarang perkhidmatan telekomunikasi kepada orang lain) suatu sistem talian telekomunikasi di mana semua kelengkapan yang terkandung di dalamnya terletak —

- (i) di dalam satu set premis yang diduduki sendirian; atau
- (ii) di dalam sesebuah vesel, pesawat terbang atau kenderaan atau di dalam 2 atau lebih vesel, pesawat terbang atau kenderaan yang menggunakan jentera yang sama; atau

(b) mengendalikan sebarang sistem telekomunikasi semasa menjalankan kewajipan-kewajipan mereka oleh pegawai-pegawai dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan angkatan bersenjata lain yang pada masa itu berada di Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana angkatan pelawat yang ada pada masa itu di Negara Brunei Darussalam menurut sebarang undang-undang bertulis atau menurut sebarang penyusunan yang sah yang dibuat oleh Negara Brunei Darussalam.

Kuasa untuk melesenkan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi.

5. (1) Suatu lesen boleh, dengan persetujuan, atau menurut terma-terma autoriti am yang diberikan oleh Menteri, diberikan oleh Pihak Berkuasa, sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan dan dinyatakan oleh Pihak Berkuasa dalam lesen itu dan sama ada tidak boleh dibatalkan atau tertakluk kepada pembatalan yang dinyatakan di dalamnya bagi menjalankan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi yang termasuk di bawah bab 3 sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Suatu lesen yang diberikan di bawah ceraian (1) boleh diberikan sama ada kepada mana-mana orang, golongan orang atau orang tertentu, dan boleh memasukkan (tanpa menjelaskan kuasa untuk mengenakan syarat-syarat yang diberikan oleh ceraian itu) syarat-syarat yang menghendaki —

(a) pemegang lesen untuk membuat perjanjian atau penyusunan dengan mana-mana orang, golongan orang atau pemegang lesen telekomunikasi lain bagi —

- (i) saling hubungan, dan akses kepada, sistem telekomunikasi;
- (ii) perkongsian pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi yang dippunyai oleh mana-mana pemegang lesen telekomunikasi; dan
- (iii) maksud lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam lesen itu,

dan atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh pemegang lesen dan orang-orang atau pemegang-pemegang lesen lain atau, sekiranya tidak mencapai persetujuan, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa;

(b) pembayaran kepada Pihak Berkuasa suatu bayaran atas pemberian lesen itu atau pembayaran kepadanya bayaran berkala dalam tempoh sahnya lesen itu atau kedua-duanya, dalam suatu amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh atau di bawah lesen itu;

(c) supaya pemegang lesen mematuhi sebarang arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa tentang perkara-perkara yang dinyatakan dalam lesen itu atau dari perihalan yang dinyatakan demikian;

(d) supaya pemegang lesen mematuhi tataamalan dan piawaian prestasi yang boleh dikenakan kepada pemegang lesen; dan

(e) supaya pemegang lesen melakukan, atau tidak melakukan, perkara-perkara yang dinyatakan dalam lesen itu atau dari perihalan yang dinyatakan demikian.

(3) Sebarang pembayaran yang dikehendaki oleh ceraian (2) untuk dibuat kepada Pihak Berkuasa boleh didapatkan kembali olehnya di mana-mana mahkamah berbidang kuasa yang layak seolah-olah pembayaran itu adalah suatu hutang kontrak ringan.

(4) Tiada sesiapa pun boleh mempersoalkan sama ada pemberian suatu lesen di bawah ceraian (1) dibuat, atau tidak dibuat, dengan persetujuan atau menurut terma-terma autoriti am yang diberikan oleh Menteri, dan kesahan suatu lesen yang diberikan di bawah ceraian itu tidaklah boleh dipertikaikan atas alasan bahawa lesen itu tidak diberikan dengan persetujuan atau menurut terma-terma autoriti am yang diberikan oleh Menteri.

(5) Pemberian lesen-lesen di bawah bab ini adalah atas budibicara Pihak Berkuasa.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menghalang Menteri dari mengarahkan Pihak Berkuasa untuk memberikan suatu lesen dalam sebarang hal tertentu dan mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keengganannya Pihak

Berkuasa untuk memberikan suatu lesen boleh dalam masa 14 hari dari tarikh keengganannya Pihak Berkuasa itu merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(7) Apa-apa juga yang dilakukan di bawah dan menurut suatu lesen yang diberikan di bawah ceraian (1) tidaklah menjadi suatu pelanggaran hak istimewa yang diberikan oleh bab 3.

Penetapan pemegang lesen telekomunikasi awam.

6. Pihak Berkuasa boleh, dengan kebenaran Menteri, menetapkan mana-mana orang yang telah diberikan suatu lesen di bawah bab 5 sebagai pemegang lesen telekomunikasi awam bagi melaksanakan semua atau sebarang tugas berkenaan dengan pengendalian dan pembekalan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam di dalam hak istimewa Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini.

Pengubahsuaian syarat-syarat lesen.

7. (1) Tertakluk kepada bab ini, Pihak Berkuasa boleh mengubahsuaui syarat-syarat suatu lesen yang diberikan di bawah bab 5.

(2) Sebelum membuat pengubahsuaian kepada syarat-syarat suatu lesen pemegang lesen telekomunikasi awam di bawah bab ini, Pihak Berkuasa hendaklah memberi notis kepada pemegang lesen tersebut —

(a) yang menyatakan bahawa Pihak Berkuasa bercadang hendak membuat pengubahsuaian mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu dan pampasan yang kena dibayar kerana sebarang kerugian yang berlaku; dan

(b) yang menyatakan masa (iaitu tidak kurang dari 28 hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang lesen tersebut) pernyataan bertulis berkenaan dengan pengubahsuaian yang dicadangkan itu boleh dibuat.

(3) Setelah menerima sebarang pernyataan bertulis yang disebut dalam ceraian (2), Pihak Berkuasa hendaklah menimbangkan pernyataan itu dan boleh —

(a) menolak pernyataan itu; atau

(b) meminda pengubahsuaian yang dicadangkan itu atau pampasan yang kena dibayar menurut pernyataan itu, ataupun selainnya,

dan, dalam salah satu hal, Pihak Berkuasa hendaklah selepas itu mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada pemegang lesen tersebut yang menghendaki supaya kuatkuasa diberikan kepada pengubahsuaian yang dicadangkan itu yang dinyatakan dalam notis tersebut atau kepada pengubahsuaian yang dipindah kemudiannya oleh Pihak Berkuasa dalam suatu tempoh masa yang munasabah.

(4) Mana-mana pemegang lesen telekomunikasi awam yang tidak puas hati dengan keputusan Pihak Berkuasa di bawah ceraian (3) boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh arahan itu diterima olehnya, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(5) Pihak Berkuasa tidaklah boleh menguatkuasakan arahannya —

(a) dalam tempoh yang disebut dalam ceraian (4); dan

(b) semasa rayuan pemegang lesen telekomunikasi awam dalam pertimbangan Menteri.

(6) Jika pernyataan bertulis tiada diterima oleh Pihak Berkuasa dalam masa yang dinyatakan dalam ceraian (2) atau jika sebarang pernyataan bertulis yang dibuat di bawah ceraian (2) kemudiannya ditarik balik, Pihak Berkuasa boleh dengan serta-merta menjalankan pengubahsuaian yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah ceraian (2).

Penggantungan atau pembatalan lesen dll.

8. (1) Jika Pihak Berkuasa berpuas hati bahawa seseorang diberikan suatu lesen di bawah bab 5 atau sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini melanggar, atau telah melanggar, sama ada dengan perbuatan atau peninggalan —

(a) sebarang syarat lesen itu atau sebahagiannya;

(b) sebarang peruntukan mana-mana tataamalan atau piawaian prestasi; atau

(c) sebarang arahan Pihak Berkuasa yang diberikan di bawah bab 27,

Pihak Berkuasa boleh, dengan notis secara bertulis, melakukan salah satu atau kedua-dua yang berikut —

(i) mengeluarkan perintah bertulis kepada orang itu sebagaimana yang dianggapnya perlu bagi maksud memastikan ia dipatuhi;

(ii) menghendaki pembayaran, dalam suatu tempoh yang ditentukan, penalti dengan wang yang jumlahnya tidak melebihi dari \$1 juta sebagaimana yang difikirkannya patut.

kecuali jika Pihak Berkuasa berpuas hati bahawa orang itu mungkin melanggarnya sekali lagi, sama ada dengan perbuatan atau peninggalan, Pihak Berkuasa boleh (sebagai ganti suatu perintah atau penalti dengan wang di bawah perenggan (i) atau (ii) atau kedua-duanya) dengan notis secara bertulis dan tanpa pampasan, melakukan semua atau mana-mana yang berikut —

- (A) membatalkan lesen itu atau sebahagiannya;
- (B) menggantung lesen itu atau sebahagiannya selama suatu tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (C) mengurangkan tempoh lesen itu dikuatkuasakan.

(2) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan sebarang keputusan Pihak Berkuasa di bawah ceraian (1) boleh, dalam masa 14 hari setelah orang itu diberikan notis secara bertulis yang disebut dalam ceraian (1), merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(3) Suatu perintah di bawah perenggan kecil (i) ceraian (1) —

(a) adalah menghendaki supaya orang yang berkenaan (menurut hal keadaan kes itu) melakukan, atau tidak melakukan, perkara-perkara yang dinatakan dalam perintah itu atau dari perihalan yang dinyatakan di dalamnya;

(b) hendaklah berkuatkuasa pada masa, seawal-awalnya yang boleh, sebagaimana yang ditentukan oleh atau di bawah perintah itu; dan

(c) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Berkuasa.

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi sebarang perintah di bawah perenggan kecil (i) ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Dalam sebarang prosiding yang dibawa terhadap mana-mana orang kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (4), adalah menjadi suatu pembelaan baginya untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan perintah itu dari dilanggar.

(6) Sebarang penalty dengan wang yang kena dibayar oleh mana-mana orang menurut ceraian (1) boleh didapatkan kembali oleh Pihak Berkuasa sebagai suatu hutang kepada Pihak Berkuasa daripada orang itu dan tanggungan orang itu untuk membayar tidaklah terjejas oleh lesennya yang terhenti dari berkuatkuasa (kerana sebarang sebab).

Kebenaran kelengkapan.

9. (1) Sebarang kelengkapan yang hendak digunakan untuk disambungkan ke sebarang sistem atau kelengkapan telekomunikasi yang dipunyai oleh pemegang lesen telekomunikasi hendaklah dibenarkan oleh Pihak Berkuasa sebelum digunakan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Seseorang yang memohon suatu kebenaran di bawah bab ini boleh dikehendaki oleh Pihak Berkuasa untuk mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin difikirkan bersesuaian oleh Pihak Berkuasa; dan kehendak-kehendak itu boleh termasuk suatu kehendak untuk memuaskan hati orang lain berkenaan dengan sebarang perkara.

(3) Suatu kebenaran di bawah bab ini boleh digunakan sama ada untuk kelengkapan tertentu atau untuk sebarang kelengkapan dari suatu perihalan yang dinyatakan dalam kebenaran itu, dan boleh digunakan demikian sama ada bagi maksud-maksud suatu sistem telekomunikasi tertentu atau bagi maksud-maksud sebarang sistem telekomunikasi dari suatu perihalan yang dinyatakan demikian.

(4) Suatu kebenaran di bawah bab ini boleh menyatakan syarat-syarat yang mesti dipatuhi jika kebenaran itu digunakan, bagi sebarang maksud yang dinyatakan dalam kebenaran itu, untuk sebarang sistem atau kelengkapan telekomunikasi yang dinyatakan demikian atau dari suatu perihalan yang dinyatakan demikian; dan sebarang syarat tersebut boleh mengenakan kepada orang yang diberikan kebenaran itu suatu kehendak dari masa ke semasa untuk memuaskan hati orang lain berkenaan dengan sebarang perkara.

(5) Pihak Berkuasa atau mana-mana orang lain yang kena memutuskan sebarang perkara bagi maksud-maksud sebarang kehendak yang dikenakan menurut ceraian (2) atau (4) boleh mengenakan suatu bayaran berkaitan dengan sebarang ujian yang dijalankan atau penilaian lain yang dibuat oleh Pihak Berkuasa atau orang lain.

(6) Pemegang lesen telekomunikasi awam boleh, dengan kebenaran Pihak Berkuasa (kecuali dalam hal-hal kecemasan), menghentikan atau enggan membekalkan suatu perkhidmatan telekomunikasi kepada mana-mana orang melalui suatu sistem telekomunikasi atau talian telekomunikasi yang dikendalikan oleh pemegang lesen tersebut jika, dengan penggunaan perkhidmatan telekomunikasi tersebut, ada disambungkán atau dimaksudkan untuk disambungkan ke sistem telekomunikasi atau talian telekomunikasi itu, kelengkapan atau pengkabelan yang menjadi ancaman kepada —

(a) keselamatan atau perjalanan fungsi sistem telekomunikasi atau talian telekomunikasi itu dengan sempurna; atau

(b) keselamatan mana-mana orang.

Kuasa baki Pihak Berkuasa untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi.

10. (1) Pihak Berkuasa boleh membekalkan sebarang perkhidmatan telekomunikasi walaupun ia telah memberikan suatu lesen kepada mana-mana orang di bawah bab 5, dalam sebarang hal keadaan yang berikut —

(a) jika Pihak Berkuasa berpendapat bahawa seseorang yang dilesenkan di bawah bab 5 telah gagal menunaikan atau tidak menunaikan sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa obligasi-obligasi yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa kepada orang itu dalam lesen yang diberikan kepada orang itu; atau

(b) untuk menguatkuasakan sebarang arahan Menteri di bawah bab 61.

(2) Jika Pihak Berkuasa menjalankan pembekalan perkhidmatan telekomunikasi di bawah ceraian (1), bab-bab 2, 9, 12 hingga 24, ceraian (1) bab 25, bab-bab 32, 39 hingga 43, 46 hingga 57 dan 73 hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuai-an-pengubahsuai-an yang perlu, kepada Pihak Berkuasa berkaitan dengan pembekalan perkhidmatan tersebut dan sebutan-sebutan kepada pemegang lesen telekomunikasi awam dalam bab-bab itu hendaklah dibaca sebagai sebutan-sebutan kepada Pihak Berkuasa.

Caj dan terma-terma lain bagi perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pihak Berkuasa.

11. (1) Pihak Berkuasa boleh membuat, berkenaan dengan sebarang perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini, suatu skim atau skim-skim untuk menentukan salah satu atau kedua-dua yang berikut —

(a) caj yang, kecuali setakat mana caj itu menjadi perkara suatu perjanjian di antara Pihak Berkuasa dan seseorang yang menggunakan perkhidmatan itu, akan dibuat oleh Pihak Berkuasa;

(b) terma-terma dan syarat-syarat lain yang, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan, akan dikenakan kepada perkhidmatan itu.

(2) Suatu skim yang dibuat di bawah bab ini boleh membuat peruntukan yang berlainan bagi kes-kes atau jenis-jenis kes yang berlainan yang ditentukan oleh, atau menurut, peruntukan-peruntukan skim itu.

(3) Suatu caj yang boleh dituntut menurut bab ini boleh didapatkan kembali oleh Pihak Berkuasa di mana-mana mahkamah berbidang kuasa yang layak seolah-olah caj itu adalah suatu hutang kontrak ringan.

(4) Suatu skim atau sebarang pindaannya yang dibuat di bawah bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai melarang Pihak Berkuasa dari melevi sebarang caj atau memungut sebarang wang kerana apa-apa jua yang dilakukan atau sebarang perkhidmatan yang diberikan hanya kerana tidak dimasukkan dalam suatu skim dan kadar, caj dan bayaran yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa bagi sebarang perkhidmatan yang

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

diberikan hendaklah menurut kadar, caj dan bayaran sebagaimana yang mungkin, dari masa ke semasa, ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(6) Kadaran, caj dan bayaran yang dikenakan oleh JTB sejurus sebelum hari yang ditetapkan hendaklah terus sah walaupun ditentukan oleh Pihak Berkuasa di bawah bab ini sehingga dibatalkan, diubah ataupun sebaliknya ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN III

PEMBINAAN, PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN PEPASANGAN TELEKOMUNIKASI

Kuasa untuk memasuki dan memeriksa tanah selain dari tanah Kerajaan.

12. (1) Apabila pada pendapat pemegang lesen telekomunikasi awam bahawa adalah perlu atau mungkin perlu untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perintah ini kepada pemegang lesen telekomunikasi awam berkaitan dengan sebarang tanah selain dari tanah Kerajaan bagi pembekalan sebarang perkhidmatan telekomunikasi, pemegang lesen tersebut atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh pemegang lesen tersebut bagi maksud itu boleh, setelah memberi notis tidak kurang dari 24 jam terlebih dahulu kepada penghuni tanah itu, jika ada, memasuki tanah itu dan boleh membuat kerja ukur dan mengambil aras dan melakukan segala perbuatan lain yang perlu sebagai persediaan untuk membekalkan perkhidmatan itu, setakat mana yang mungkin boleh tanpa menyebabkan sebarang kerosakan atau gangguan.

(2) Sekiranya sebarang kerosakan atau gangguan berlaku kerana memasuki tanah itu, pemegang lesen telekomunikasi awam itu hendaklah membayar pampasan kepada pemilik atau penghuni tanah itu.

(3) Tiada sebarang apapun dalam bab ini boleh dianggap sebagai membenarkan mana-mana pekerja atau ejen pemegang lesen telekomunikasi awam untuk menebang atau membersihkan apa-apa tumbuh-tumbuhan atau sebarang pagar atau binaan lain atau untuk memasuki sebarang bangunan atau sebarang tempat tertutup yang bersambung dengan sebarang bangunan.

Kuasa untuk memasuki tanah Kerajaan bagi maksud-maksud pepasangan atau loji.

13. Bagi maksud membekalkan sebarang perkhidmatan telekomunikasi, pemegang lesen telekomunikasi awam atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki sebarang tanah Kerajaan dan boleh, tertakluk kepada kebenaran Pihak Berkuasa dan Pesuruhjaya Tanah, membina di dalam atau di atas tanah Kerajaan pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi atau menggali parit sebagaimana yang mungkin diperlukan atau patut bagi maksud membekalkan perkhidmatan telekomunikasi itu, dan boleh menjalankan segala kerja yang perlu

berhubung dengannya, dan boleh, semasa menjalankan kerja itu, menebang atau memangkas pokok, membuang tumbuh-tumbuhan dan melakukan segala perkara lain yang perlu bagi maksud itu, tetapi —

- (a) jika sebarang kerja tersebut mengganggu perbaikan, bangunan, pokok atau tanaman yang tumbuh pemegang lesen itu hendaklah membayar pampasan kerana sebarang kerosakan atau gangguan; dan
- (b) jika tanah itu diduduki di bawah suatu lesen tumpang sementara, pampasan hendaklah dibayar kepada penghuni di bawah lesen itu.

Kuasa untuk memasuki tanah lain bagi maksud-maksud pepasan atau loji.

14. (1) Tertakluk kepada bab ini, apabila perlu untuk berbuat demikian bagi maksud-maksud membekalkan sebarang perkhidmatan telekomunikasi di bawah Perintah ini, pemegang lesen telekomunikasi awam boleh memasang, menempatkan atau menjalankan, dan membina di bawah, di atas atau merentasi sebarang tanah, selain dari tanah Kerajaan, pepasan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi sebagaimana yang mungkin diperlukan atau patut bagi maksud-maksud tersebut dan boleh mengambil tindakan lain sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk menjadikan pepasan atau loji itu selamat dan efisien, dengan membayar pampasan kepada mana-mana orang yang berkepentingan kerana sebarang kerosakan, gangguan atau ketiadaupayaan yang mungkin berlaku.

(2) Sebarang pampasan yang kena dibayar di bawah ceraian (1) boleh termasuk suatu bayaran tahunan bagi tanah atau harta tak alih lain yang digunakan bagi maksud pepasan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam itu.

(3) Pemegang lesen telekomunikasi awam tidaklah boleh mendapatkan sebarang hak selain dari hak pengguna sahaja berkaitan dengan sebarang tanah atau harta yang di bawah, merentasi, di sepanjang, melintasi, di dalam atau di atasnya pemegang lesen itu menempatkan sebarang pepasan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi di bawah bab ini.

(4) Sebelum memasuki sebarang tanah bagi maksud yang dinyatakan dalam ceraian (1), pemegang lesen telekomunikasi awam hendaklah memberi notis 14 hari yang menyatakan dengan selengkap dan setepat yang boleh bentuk dan takat perbuatan-perbuatan yang dimaksudkan untuk dilakukan.

(5) Notis itu hendaklah diberikan kepada pemilik atau penghuni tanah tersebut mengikut cara yang diperuntukkan di bawah Perintah ini.

(6) Pemilik atau penghuni tanah tersebut boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh menerima notis yang disebut dalam ceraian (4), membuat suatu bantahan bertulis kepada Pihak Berkuasa dan Pihak Berkuasa hendaklah menentukan suatu tarikh untuk menyiasat mengenai sebarang bantahan tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(7) Jika bantahan tiada dibuat dalam masa yang dinyatakan dalam ceraian (6), pemegang lesen telekomunikasi awam itu boleh dengan serta-merta memasuki tanah tersebut dan melakukan segala atau sebarang perbuatan yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah ceraian (4).

(8) Jika suatu bantahan dibuat dan tidak ditarik balik sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengarannya, Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan suatu siasatan, dengan memberikan kepada tiap-tiap pihak suatu peluang untuk di-dengar.

(9) Tertakluk kepada ceraian (10), setelah siasatan itu selesai, Pihak Berkuasa boleh membenarkan, sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan sebagaimana yang difikirkan-nya patut, supaya sebarang perbuatan yang disebutkan dalam notis yang diberikan di bawah ceraian (4) dijalankan.

(10) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan sebarang keputusan Pihak Berkuasa di bawah bab ini boleh, dalam masa 14 hari dari selesainya siasatan itu, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

Pengecualian ke atas perjanjian izinlalu.

15. Tiada sebarang apa pun dalam ceraian-ceraian (1) dan (6) bab 14 boleh —

(a) menjaskan hak pemegang lesen telekomunikasi awam untuk membuat suatu perjanjian, yang biasanya dikenali sebagai perjanjian izinlalu, dengan pemilik atau penghuni sebarang tanah bagi maksud memasang, menempatkan, membawa atau membina sebarang pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi di atas tanah tersebut;

(b) menjaskan sebarang perjanjian izinlalu tersebut yang ada se-jurus sebelum hari yang ditetapkan; atau

(c) menjaskan hak pemegang lesen telekomunikasi awam untuk berunding mengenai penggunaan tanah atau kemudahan yang dippunyai oleh Kerajaan atau mana-mana orang lain.

Pemeriksaan, penyenggaraan dan pembaikan pepasangan atau loji untuk telekomunikasi.

16. (1) Apabila perlu untuk berbuat demikian bagi maksud-maksud menjalankan sebarang tugas dan kewajipan Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya Pihak Berkuasa boleh memasuki sebarang tanah atau bangunan, atau menahan atau menaiki sebarang vesel, pesawat terbang atau kenderaan dan boleh menjalankan segala pemeriksaan atau penyiasatan yang perlu dan melakukan semua perkara yang perlu bagi maksud itu.

(2) Apabila perlu untuk berbuat demikian bagi maksud memeriksa, menyenggara atau membaiki suatu pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam atau bagi maksud menjalankan sebarang tugas yang diberikan kepada pemegang lesen telekomunikasi awam di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang lesen yang diberikan di bawah bab 5, pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh pemegang lesen itu bagi maksud tersebut boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki sebarang tanah atau bangunan, sama ada atau tidak pepasangan atau loji itu telah dipasang, ditempatkan, dibawa atau dibina di atas, di bawah, pada atau merentasi tanah atau bangunan itu, dan boleh menjalankan segala pemeriksaan, penyenggaraan atau pembaikan yang perlu, dan boleh semasa menjalankannya, menebang atau memangkas pokok, membuang tumbuh-tumbuhan dan melakukan segala perkara lain yang perlu bagi maksud itu, tanpa melakukan banyak kerosakan dan membayar pampasan kepada mana-mana orang yang terjejas kerana sebarang kerosakan yang mungkin berlaku di mana pampasan mengenainya belum lagi ditaksir di bawah bab 14.

Pemindahan atau perubahan pepasangan atau loji untuk telekomunikasi.

17. (1) Jika suatu pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam telah dipasang, ditempatkan, dibawa atau dibina di atas, di bawah, pada atau merentasi sebarang tanah di bawah bab 13 atau 14, dan mana-mana pemilik atau penghuni tanah itu atau mana-mana orang yang kepadanya tanah itu kemudiannya diberimilik atau diduduki atau mana-mana orang yang kemudiannya memberimilik atau menduduki tanah itu berhasrat hendak menggunakan tanah itu mengikut cara yang menyebabkannya perlu atau sesuai supaya pepasangan atau loji itu patut dipindahkan ke bahagian lain tanah itu, atau ke suatu paras yang lebih tinggi atau rendah, atau diubah bentuknya, dia boleh menghendaki supaya pemegang lesen itu memindahkan atau mengubah pepasangan atau loji itu dengan sewajarnya.

(2) Jika pemegang lesen itu gagal mematuhi kehendak tersebut, orang itu boleh memohon secara bertulis kepada Pihak Berkuasa dan Pihak Berkuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, menentukan suatu tarikh untuk menyiasat mengenai fakta-fakta kes itu.

(3) Tertakluk kepada ceraian (8), setelah selesai menjalankan siasatan tersebut, Pihak Berkuasa boleh menghendaki, tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan sebagaimana yang difikirkannya patut, supaya pepasangan atau loji itu dipindahkan atau diubah.

(4) Apabila suatu pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam telah dipasang, ditempatkan, dibawa atau dibina di atas mana-mana tanah Kerajaan oleh pemegang lesen tersebut, dan tanah itu kemudiannya diberimilik kepada mana-mana orang, pemilik atau penghuni tanah itu boleh, melainkan jika terma-terma pemberian milik itu memperuntukkan dengan nyata sebaliknya, menghendaki supaya pepasangan atau loji itu dipindahkan ke bahagian lain tanah itu, atau ke paras yang lebih tinggi atau rendah, dan ceraian-ceraian (1), (2) dan (3)

hendaklah dikenakan kepada sebarang kehendak tersebut, dan kos melaksanakan pemindahan itu hendaklah dibayar oleh orang yang membuat kehendak tersebut.

(5) Jika pemilik mana-mana tanah berhasrat hendak menggunakan tanahnya bagi maksud-maksud untuk dimajukan dan dia menganggapnya perlu supaya suatu pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam yang telah dipasang, ditempatkan, dibawa atau dibina di atas tanahnya patut dipindahkan dari tanahnya itu, dia boleh meminta supaya pemegang lesen tersebut memindahkan pepasangan atau loji itu dari tanahnya.

(6) Jika pemegang lesen telekomunikasi awam menjalankan kerja pemindahan menurut permintaan pemilik itu di bawah ceraian (5), pemilik itu hendaklah membayar pampasan kepada pemegang lesen tersebut.

(7) Tertakluk kepada ceraian (8), jika pemegang lesen telekomunikasi awam tidak bermaksud untuk menjalankan kerja pemindahan menurut permintaan pemilik itu di bawah ceraian (5), pemegang lesen tersebut hendaklah, dengan notis secara bertulis, memberitahu pemilik itu dan Pihak Berkuasa mengenai niatnya dan Pihak Berkuasa hendaklah menentukan suatu tarikh tidak kurang dari 14 hari daripada tarikh notis untuk menyiasat mengenai fakta-fakta kes itu.

(8) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan sebarang keputusan Pihak Berkuasa di bawah bab ini boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh siasatan itu selesai dijalankan, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

Pemindahan pokok yang membahayakan atau menghalang sebarang pepasangan atau loji untuk telekomunikasi.

18. (1) Jika, pada pendapat pemegang lesen telekomunikasi awam, terdapat pada bila-bila masa bahaya atau bahaya yang diduga bahawa sebarang pokok (perkataan itu dalam bab ini termasuk semak) yang berhampiran dengan pepasangan atau loji pemegang lesen tersebut boleh menghalang atau mengganggu sebarang perkhidmatan telekomunikasi atau menyebabkan kerosakan pada pepasangan atau loji itu, pemegang lesen tersebut boleh menyebabkan supaya pokok itu ditebang atau ditangani dengan cara lain yang akan, pada pendapatnya, menghindarkan bahaya tersebut.

(2) Jika suatu pokok, yang telah ditebang ataupun sebaliknya ditangani di bawah ceraian (1), telah wujud sebelum pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam itu ditempatkan, dibina atau dipasang, pemegang lesen tersebut boleh tertakluk kepada ceraian-ceraian (3) dan (4) membayar kepada mana-mana orang yang terjejas suatu jumlah wang sebagaimana yang mungkin dipersetujui dengan cara pampasan.

(3) Pampasan tambahan tidaklah boleh dibayar kerana menebang atau memangkas sebarang pokok atau menyiangi sebarang tumbuh-tumbuhan jika tindakan itu diperlukan untuk menyenggara suatu pepasangan atau loji pemegang

lesen telekomunikasi awam dan pokok dan tumbuh-tumbuhan itu tumbuh dan dibiarkan tumbuh sejak pampasan di bawah ceraian (2) dibayar.

(4) Pampasan tidaklah boleh kena dibayar oleh pemegang lesen telekomunikasi awam di bawah ceraian (2) berkaitan dengan sebarang pokok dalam jarak 20 meter dari garis tengah mana-mana jalan raya yang dibina atau disenggara oleh Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam melainkan jika dibuktikan bahawa pokok itu telah wujud sebelum jalan raya itu dibina.

(5) Sekiranya pemilik atau penghuni mana-mana tanah menebang, memangkas atau menyiangi sebarang pokok atau tumbuh-tumbuhan yang bersebelahan dengan suatu pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam, pemilik atau penghuni tersebut hendaklah memberi kepada pemegang lesen itu notis 14 hari secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pemegang lesen itu bagi melindungi pepasangan atau loji tersebut.

(6) Jika mana-mana pemilik atau penghuni tersebut gagal memberi notis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah ceraian (5) atau setelah memberikan notis gagal mengambil sebarang langkah yang munasabah sebagaimana yang mungkin telah dikehendaki oleh pemegang lesen telekomunikasi awam itu, dia hendaklah bertanggungan untuk membayar kepada pemegang lesen itu sebarang kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen itu kerana sebarang kerosakan yang berlaku kepada sebarang pepasangan atau loji tersebut, dan suatu perakuan yang dikatakan sebagai ditandatangani oleh Ketua Eksekutif pemegang lesen itu yang menyatakan amaun kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai amaun yang kena dibayar oleh pemilik atau penghuni itu.

(7) Jika amaun yang kena dibayar bagi kos dan perbelanjaan tersebut tidak dibayar dalam masa 7 hari setelah dituntut, amaun itu boleh didapatkan kembali mengikut cara yang sama seolah-olah amaun itu adalah suatu hutang kontrak ringan.

(8) Jika sebarang pokok ditebang atau tumbuh-tumbuhan disiangi di atas tanah yang bersebelahan dengan suatu pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam, maka adalah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa pokok itu telah ditebang atau tumbuh-tumbuhan itu telah disiangi oleh pemilik atau penghuni tanah itu atau oleh pekerja-pekerja atau ejen-ejennya yang bertindak sedemikian.

Penyediaan ruang atau kemudahan oleh pemaju atau pemilik bangunan.

19. Mana-mana pemaju atau pemilik suatu bangunan yang menghendaki sebarang perkhidmatan telekomunikasi daripada pemegang lesen telekomunikasi hendaklah menyediakan atas perbelanjaannya, dan menurut spesifikasi sebagai-

mana yang mungkin disiarkan oleh Pihak Berkuasa, ruang dan kemudahan di dalam atau di atas bangunan itu dan akses kepadanya, sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi pengendalian sebarang pepasangan atau loji yang akan digunakan dalam membekalkan perkhidmatan telekomunikasi tersebut.

Penyediaan kemudahan bagi radio-komunikasi.

20. (1) Mana-mana orang yang bermaksud hendak memasang, membina atau mendirikan, dalam lingkungan 200 meter dari tapak suatu pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi yang digunakan berhubung dengan perkhidmatan radio-komunikasinya, sebarang bangunan lebih dari 30 meter di atas aras bumi hendaklah memberitahu pemegang lesen itu secara bertulis sebelum menjalankan sebarang pemasangan, pembinaan atau pendirian tersebut.

(2) Pemegang lesen telekomunikasi itu boleh, setelah menerima pemberitahuan tersebut daripada orang itu, membuat penyusunan dengan orang itu bagi pemegang lesen tersebut memasuki bangunan itu pada bila-bila masa yang munasabah untuk menyediakan ruang atau kemudahan lain di dalam atau di sekitar bangunan itu sebagaimana yang mungkin diperlukan atau patut bagi sebarang pepasangan atau loji yang digunakan berhubung dengan perkhidmatan radio-komunikasi yang akan diletakkan, ditempatkan, didirikan, dibina atau dipasang di dalam, di atas atau di sekitar bangunan itu.

(3) Jika, pada pendapat pemegang lesen telekomunikasi, suatu bangunan yang dipasang, dibina atau didirikan setelah pepasangan atau loji pemegang lesen itu yang digunakan berhubung dengan perkhidmatan radio-komunikasinya diletakkan, ditempatkan, didirikan, dibina atau dipasang di dalam atau di sekitar bangunan itu, menghalang atau mengganggu perkhidmatan atau sistem radio-komunikasi pemegang lesen itu, pemegang lesen itu boleh, dengan kebenaran Pihak Berkuasa, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki bangunan itu untuk menyediakan ruang atau kemudahan lain di dalam atau di sekitar bangunan itu sebagaimana yang mungkin diperlukan atau patut bagi pepasangan atau loji tersebut diletakkan, ditempatkan, didirikan, dibina atau dipasang di dalam, di atas atau di sekitar bangunan itu bagi maksud-maksud meniadakan halangan atau gangguan tersebut.

(4) Pemegang lesen telekomunikasi itu hendaklah membayar pampasan kepada pemilik atau penghuni mana-mana bangunan kerana sebarang gangguan, ketiadaupayaan atau kerosakan yang berlaku akibat dari sebarang perbuatan pemegang lesen itu di bawah ceraian (2) atau (3).

(5) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab 19, "suatu bangunan" bermakna mana-mana bangunan tetap atau sementara dan termasuk sebarang jenis struktur atau binaan (sama ada tetap atau sementara) dan sebarang tambahan, pengubah-suaian, perubahan yang dibuat ke atasnya.

Penyediaan pepasangan, loji atau sistem atau ruang atau kemudahan dengan arahan Pihak Berkuasa.

21. (1) Jika Pihak Berkuasa menganggapnya perlu bahawa sebarang perkhidmatan telekomunikasi patut dibekalkan ke mana-mana bangunan, sama ada siap atau tidak, atau bahawa kualiti suatu perkhidmatan telekomunikasi yang dibekalkan ke mana-mana bangunan patut dipertingkatkan, Pihak Berkuasa boleh dengan arahan —

(a) menghendaki, berhubung dengan perenggan (b), supaya pemaju atau pemilik bangunan atau tanah itu menyediakan atas perbelanjaannya, dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam arahan itu, ruang dan kemudahan di dalam atau di atas bangunan atau tanah itu, dan akses kepadanya, sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam arahan itu oleh Pihak Berkuasa; dan

(b) menghendaki supaya mana-mana pemegang lesen telekomunikasi memasang, dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam arahan itu, pepasangan, loji atau sistem sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pihak Berkuasa bagi pembekalan, atau peningkatan kualiti, perkhidmatan telekomunikasi itu.

(2) Sebarang arahan di bawah ceraian (1) boleh termasuk —

(a) suatu kehendak bahawa pemegang lesen telekomunikasi itu hendaklah menyumbangkan, seluruhnya atau sebahagiannya, kos dan perbelanjaan yang dilakukan bagi penyediaan sebarang pepasangan, loji atau sistem, atau ruang atau kemudahan di bawah ceraian (1) sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa; dan

(b) kehendak-kehendak lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Mana-mana orang yang gagal mematuhi sebarang kehendak dalam suatu arahan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Berkongsi pepasangan, loji atau sistem.

22. (1) Pihak Berkuasa boleh mengarahkan mana-mana pemegang lesen telekomunikasi untuk menyelaraskan dan bekerjasama, mengikut cara dan atas terma-terma sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Pihak Berkuasa, dengan mana-mana orang lain, dalam menggunakan atau berkongsi sebarang pepasangan, loji atau sistem, atau sebahagiannya, yang digunakan untuk telekomunikasi.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi sebarang arahan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Pertikaian tentang pampasan.

23. (1) Jika sebarang pertikaian timbul mengenai cukupnya pampasan yang hendak dibayar di bawah ceraian (2) bab 12, bab 13, ceraian (1) bab 14, ceraian (2) bab 16, ceraian (6) bab 17, ceraian (2) bab 18 dan ceraian (4) bab 20, pertikaian itu hendaklah, atas permohonan bagi maksud itu oleh mana-mana orang yang tidak puas hati kepada Pihak Berkuasa, diputuskan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Jika mana-mana orang yang tidak puas hati tidak berpuas hati dengan keputusan Pihak Berkuasa, dia boleh, dalam masa 14 hari dari keputusan itu, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

Langkah berhati-hati dalam melaksanakan kerja.

24. Perlaksanaan sebarang kerja oleh pemegang lesen telekomunikasi awam di bawah Perintah ini yang boleh menjelaskan sebarang jalan, landasan kereta api, sungai, terusan, atau jalan air lain atau sebarang sistem pengairan, saliran atau bekalan air atau sebarang telekomunikasi, kerja pelabuhan atau kerja awam atau swasta lain, dan pembinaan sebarang pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi sama ada merentasi, di atas, atau di bawah tanah hendaklah dijalankan mengikut cara yang sah dengan memberi perhatian kepada keselamatan mana-mana orang atau harta.

Pengecualian dari distres dan penahanan dll.

25. (1) Pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam yang digunakan untuk telekomunikasi tidaklah boleh tertakluk kepada distres atau tidaklah boleh diambil bagi melaksanakan di bawah sebarang proses mahkamah dalam sebarang prosiding kebankrapan atau ketidakmampuan membayar terhadap mana-mana orang tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Menteri.

(2) Tiap-tiap pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi yang ditempatkan di bawah, merentasi, di sepanjang, melintasi, di dalam atau di atas sebarang harta oleh pemegang lesen telekomunikasi awam hendaklah terus menjadi harta pemegang lesen yang berkenaan sama ada atau tidak ia telah menjadi suatu lekapan seluruhnya atau sebahagiannya.

BAHAGIAN IV
TATAAMALAN DAN ARAHAN

Tataamalan dan piawaian prestasi.

26. (1) Pihak Berkuasa boleh mengeluarkan atau membenarkan dan, dari masa ke semasa, mengkaji semula tataamalan dan piawaian prestasi berhubung dengan —

- (a) pengendalian sistem dan kelengkapan telekomunikasi;
- (b) pembekalan perkhidmatan telekomunikasi; dan
- (c) kelakuan pemegang lesen telekomunikasi dalam membekalkan perkhidmatan telekomunikasi.

(2) Jika apa-apa peruntukan dalam sebarang tataamalan atau piawaian prestasi yang dikeluarkan atau dibenarkan oleh Pihak Berkuasa adalah bertentangan dengan sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini, peruntukan tersebut hendaklah, setakat mana ia bertentangan, sama ada berkuatkuasa terukluk kepada peraturan itu atau, jika bersesuaian, dengan memberi perhatian kepada peraturan itu, tidaklah boleh berkuatkuasa.

(3) Pihak Berkuasa boleh mengecualikan, sama ada pada amnya atau dalam suatu tempoh masa sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa, mana-mana pemegang lesen telekomunikasi dari apa-apa peruntukan dalam sebarang tataamalan atau piawaian prestasi.

(4) Tiap-tiap pemegang lesen telekomunikasi hendaklah mematuhi tataamalan dan piawaian prestasi yang berkaitan.

Arahan yang menyentuh pemegang lesen telekomunikasi.

27. (1) Pihak Berkuasa boleh memberi arahan untuk dipatuhi oleh pemegang-pemegang lesen telekomunikasi —

- (a) untuk memastikan pembekalan sebarang perkhidmatan telekomunikasi kepada orang ramai boleh dipercayai;
- (b) untuk memastikan keserasian teknikal dan keselamatan pengendalian sebarang kelengkapan atau sistem telekomunikasi;
- (c) untuk memastikan gelagat pasaran yang saksama dan cekap oleh pemegang-pemegang lesen telekomunikasi; atau
- (d) bagi kepentingan awam.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Suatu arahan di bawah ceraian (1) —

(a) adalah menghendaki supaya pemegang lesen telekomunikasi yang berkenaan (mengikut hal keadaan kes) melakukan, atau tidak melakukan, perkara-perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu atau perkara-perkara dari suatu perihal yang dinyatakan di dalamnya;

(b) hendaklah berkuatkuasa pada masa, seawal-awalnya yang boleh, sebagaimana yang ditentukan oleh atau di bawah arahan itu; dan

(c) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Berkuasa.

(3) Sebelum memberi suatu arahan kepada mana-mana pemegang lesen telekomunikasi di bawah ceraian (1), Pihak Berkuasa hendaklah, melainkan jika Pihak Berkuasa berkaitan dengan sebarang arahan tertentu menganggapnya tidak mungkin atau tidak dikehendaki, memberi notis —

(a) yang menyatakan bahawa Pihak Berkuasa bercadang hendak membuat arahan itu dan menyatakan kesannya; dan

(b) yang menentukan masa pernyataan atau bantahan terhadap arahan yang dicadangkan itu boleh dibuat,

dan hendaklah menimbangkan sebarang pernyataan atau bantahan yang telah dibuat.

(4) Mana-mana pemegang lesen telekomunikasi yang tidak puas hati dengan sebarang arahan Pihak Berkuasa di bawah ceraian (1) boleh, dalam masa 14 hari setelah arahan itu disampaikan kepada pemegang lesen tersebut, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(5) Tiap-tiap pemegang lesen telekomunikasi hendaklah mematuhi setiap arahan Pihak Berkuasa yang diberikan kepada pemegang lesen tersebut di bawah bab ini.

Garis panduan nasihat.

28. (1) Pihak Berkuasa boleh membuat garis panduan nasihat secara bertulis mengenai sebarang aspek telekomunikasi.

(2) Garis panduan nasihat, misalnya, boleh dibuat mengenai —

(a) sebarang perkara yang berkaitan dengannya tataamalan dan piawaian prestasi boleh dibuat di bawah bab 26;

(b) penggunaan, pendirian, rekabentuk atau perlaksanaan apa-apa ju;

- (c) gangguan radio-komunikasi; atau
 - (d) peruntukan dan penyelarasan frekuensi.
- (3) Pihak Berkuasa mestilah —
- (a) memberikan satu salinan setiap garis panduan nasihat yang dibuatnya kepada Menteri; dan
 - (b) menyiarkan setiap garis panduan nasihat mengikut cara yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN V

KERJA PENGESANAN KABEL TELEKOMUNIKASI

Kerja pengesanan kabel telekomunikasi hendaklah dijalankan sebelum kerja tanah.

29. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), tiada sesiapa pun boleh memulakan atau menjalankan, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dimulakan atau dijalankan, sebarang kerja tanah di kawasan sekitar sebarang kabel telekomunikasi yang dipunyai oleh atau di bawah pengurusan atau kawalan pemegang lesen sistem telekomunikasi melainkan jika —

- (a) dia telah memberikan kepada pemegang lesen sistem telekomunikasi itu notis tidak kurang dari 7 hari (atau tempoh lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa dalam sebarang hal tertentu) secara bertulis mengenai tarikh kerja tanah tersebut dicadangkan hendak dimulakan;

- (b) dia telah mendapatkan daripada pemegang lesen sistem telekomunikasi itu maklumat yang diperlukan mengenai lokasi kabel telekomunikasi itu dan telah berunding dengan pemegang lesen itu mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan kabel telekomunikasi itu dari rosak semasa kerja tanah tersebut sedang dijalankan; dan

- (c) dia telah menyebabkan supaya kerja pengesanan kabel telekomunikasi dilaksanakan atau dijalankan oleh seorang pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen bagi mengesahkan lokasi kabel telekomunikasi itu.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (1) boleh menghalang seseorang dari memulakan atau menjalankan sebarang kerja tanah jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian bagi kepentingan awam atau keselamatan persendirian kecuali bahawa orang itu hendaklah, tidak lebih dari 7 hari setelah kerja tanah tersebut dimulakan atau dijalankan, memberikan kepada pemegang lesen sistem telekomunikasi itu notis secara bertulis yang menyatakan jenis dan takat kerja tanah tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(3) Adalah menjadi kewajipan orang yang menjalankan sebarang kerja tanah yang disebut dalam ceraian (1) —

(a) untuk mematuhi semua kehendak yang munasabah pemegang lesen sistem telekomunikasi itu bagi mengelakkan kerosakan pada kabel telekomunikasi tersebut;

(b) untuk memastikan bahawa langkah berhati-hati yang munasabah diambil semasa menjalankan kerja tanah tersebut bagi mengelakkan sebarang kerosakan pada kabel telekomunikasi itu, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyeliaan tapak kerja tanah tersebut; dan

(c) untuk memberitahu pemegang lesen sistem telekomunikasi itu akses yang munasabah kepada tapak kerja tersebut bagi maksud memeriksa atau mengambil sebarang langkah yang perlu untuk melindungi kabel telekomunikasi itu.

(4) Adalah menjadi kewajipan pemegang lesen sistem telekomunikasi yang telah diberikan suatu notis di bawah ceraian (1)(a) —

(a) untuk memberitahu dengan segera orang yang telah memberikan kepadanya notis mengenai lokasi kabel telekomunikasi itu dan untuk memberikan kepada orang itu sebarang maklumat lain sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk membolehkannya memastikan lokasi sebenar kabel telekomunikasi itu;

(b) untuk menasihatkan orang yang telah memberikan kepadanya notis mengenai langkah berhati-hati yang hendak diambil bagi mengelakkan kerosakan pada kabel telekomunikasi itu; dan

(c) untuk mengambil segala langkah di tapak kerja tersebut sebagaimana yang mungkin munasabah dan diperlukan bagi melindungi kabel telekomunikasi itu dari rosak dan, dalam berbuat demikian, pemegang lesen sistem telekomunikasi itu hendaklah memberi perhatian kepada risiko dan bahaya yang mungkin timbul dari sebarang kerosakan pada kabel telekomunikasi itu.

(5) Tiada sesiapa pun selain daripada pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen boleh memulakan atau menjalankan sebarang kerja pengesanan kabel telekomunikasi di kawasan sekitar sebarang kabel telekomunikasi yang dipunyai oleh atau di bawah pengurusan atau kawalan pemegang lesen sistem telekomunikasi jika kerja pengesanan kabel telekomunikasi itu dimulakan atau dijalankan berhubungan dengan atau bergabung dengan atau berkenaan dengan sebarang kerja tanah yang dijalankan atau hendak dijalankan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$100,000 atau dihukum penjara

selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(7) Tertakluk kepada ceraian (8), dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (6), adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dituduh untuk membuktikan —

(a) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk menunaikan kewajipannya di bawah ceraian (1) atau (3), mengikut mana yang berkenaan; atau

(b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berhati-hati yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan.

(8) Jika dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (6) pembelaan itu melibatkan tindakan atas maklumat yang diberikan oleh pemegang lesen sistem telekomunikasi atau pekerja pengesanan kabel telekomunikasi berlesen, orang yang dituduh tidaklah berhak, tanpa kebenaran mahkamah, untuk bersandar kepada pembelaan itu melainkan jika, dalam tempoh 14 hari genap sebelum perbicaraan, dia telah menyampaikan kepada pendakwa suatu notis secara bertulis yang memberikan maklumat yang ada dalam milikannya pada masa itu yang mengenalpasti atau membantu dalam mengenalpasti orang yang telah memberikan maklumat itu kepadanya.

(9) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Kuasa-kuasa Pihak Berkuasa berkenaan dengan kerja pengesanan kabel telekomunikasi.

30. Pihak Berkuasa boleh —

(a) memberikan suatu lesen kerja pengesanan kabel telekomunikasi yang membenarkan seseorang untuk melaksanakan kerja pengesanan kabel telekomunikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu dan boleh menggantung, membatalkan, mengubah, menyambung, membaharui atau menggantikan sebarang lesen itu;

(b) mengelaskan sebarang lesen kerja pengesanan kabel telekomunikasi mengikut cara sebagaimana yang ditentukan olehnya;

(c) menentukan jenis kerja pengesanan kabel telekomunikasi yang berkaitan dengannya suatu lesen kerja pengesanan kabel telekomunikasi diberikan dan menyekat kerja tersebut mengikut sebarang jenis atau kelas kerja pengesanan kabel telekomunikasi;

- (d) menentukan hal keadaan atau cara bagaimana pekerja-pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen boleh melaksanakan atau menjalankan kerja pengesahan kabel telekomunikasi;
- (e) mengenakan sebarang terma, syarat atau sekatan ke atas sebarang lesen kerja pengesahan kabel telekomunikasi;
- (f) menghendaki supaya mana-mana pemegang lesen telekomunikasi awam mengendalikan kursus-kursus atau latihan yang dibenarkan, termasuk kursus-kursus ulangkaji, dan mengadakan peperiksaan untuk pekerja-pekerja pengesan kabel telekomunikasi;
- (g) menyimpan suatu daftar pekerja-pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen; dan
- (h) melakukan sebarang perbuatan atau perkara yang perlu atau mudah untuk melaksanakan matlamat-matlamat Bahagian ini atau yang bersampingan dengannya.

Pekerja-pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen.

31. (1) Mana-mana orang yang, bukan pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen, mengiklankan atau mengemukakan dirinya atau berkelakuan dengan apa-apa cara atau dengan apa-apa jalan sebagai seorang yang merupakan pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.
- (2) Tiada sesiapa pun selain daripada pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen berhak untuk mendapatkan balik di mana-mana mahkamah sebarang caj, bayaran atau ganjaran kerana sebarang kerja pengesahan kabel telekomunikasi yang dilaksanakan atau dijalankan oleh orang itu.

Kewajipan untuk menyiasat sebelum pengorekan.

32. Mana-mana orang yang menggali, menggerak, mengeruk, meratakan, mengorek atau memecah mana-mana tanah dengan sebarang kelengkapan jentera atau letupan atau membenarkan pekerja atau ejennya untuk berbuat demikian tanpa terlebih dahulu memastikan lokasi sebarang kabel telekomunikasi yang dipunyai oleh atau di bawah pengurusan atau kawalan mana-mana pemegang lesen sistem telekomunikasi yang mungkin terganggu adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN DAN HUKUMAN

Pengendalian sistem atau perkhidmatan telekomunikasi yang menyalahi undang-undang.

33. (1) Tertakluk kepada bab ini dan bab 4, mana-mana orang yang mengadakan, memasang, menyelenggarakan, membekalkan atau mengendalikan suatu sistem atau perkhidmatan telekomunikasi di dalam Negara Brunei Darussalam tanpa suatu lesen yang diberikan di bawah bab 5 ataupun sebaliknya melanggar hak istimewa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa oleh bab 3 adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$100,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$10,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

(3) Dalam hal suatu kesalahan berkenaan dengan suatu sistem atau perkhidmatan telekomunikasi yang tidak diperluaskan di luar Negara Brunei Darussalam, orang itu atau tiap-tiap orang yang mengendalikan sistem atau perkhidmatan tersebut (atau, jika orang yang berlainan menjalankan bahagian-bahagian sistem atau perkhidmatan itu yang berlainan, setiap orang daripada mereka) adalah melakukan suatu kesalahan dan, dalam hal suatu kesalahan berkenaan dengan suatu sistem atau perkhidmatan telekomunikasi yang diperluaskan di luar Negara Brunei Darussalam, orang itu atau tiap-tiap orang yang mengendalikan bahagian sistem atau perkhidmatan tersebut di dalam Negara Brunei Darussalam (atau, jika orang yang berlainan mengendalikan bahagian-bahagian sistem atau perkhidmatan itu yang berlainan, setiap orang daripada mereka) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah bertanggungan sama.

(4) Jika mana-mana orang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain, orang lain itu adalah melakukan kesalahan tersebut; dan seseorang boleh dituduh melakukan atau disabitkan atas kesalahan itu menurut ceraian ini sama ada atau tidak prosiding diambil terhadap orang yang mula-mula disebutkan.

(5) Dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah bab ini, adalah menjadi suatu pembelaan, tertakluk kepada ceraian (6), bagi orang yang dituduh untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan.

(6) Jika pembelaan yang diperuntukkan oleh ceraian (5) melibatkan suatu tuduhan bahawa kesalahan yang dilakukan itu adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain, orang yang dituduh tidaklah berhak, tanpa kebenaran mahkamah, untuk bersandar kepada pembelaan itu melainkan jika, dalam tempoh yang berakhir 7 hari genap sebelum perbicaraan, dia telah menyampaikan kepada pendakwa suatu notis bertulis yang memberikan maklumat yang mengenalpasti atau membantu dalam mengenalpasti orang lain itu yang ada dalam milikannya pada masa itu.

Larangan berkaitan dengan kelengkapan telekomunikasi dan radio-komunikasi.

34. (1) Tiada sesiapa pun boleh —

(a) menawarkan untuk jualan, menjual atau memiliki untuk jualan sebarang kelengkapan telekomunikasi; atau

(b) memiliki sebarang kelengkapan radio-komunikasi,

kecuali dan menurut suatu lesen yang diberikan di bawah bab 5 atau sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Hukuman bagi stesen yang tidak berlesen.

35. (1) Mana-mana orang yang mengadakan, memasang, menyelenggarakan, membekalkan atau mengendalikan suatu sistem atau perkhidmatan radio-komunikasi atau sebarang kelengkapan radio-komunikasi di mana-mana tempat atau di dalam sebarang vesel, pesawat terbang atau di dalam sebarang kenderaan di Negara Brunei Darussalam tanpa suatu lesen yang diberikan di bawah bab 5 atau sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang memiliki sebarang kelengkapan radio-komunikasi hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah mengendalikannya.

(3) Penghuni mana-mana rumah kediaman atau bangunan yang dipasang di dalamnya dengan sebarang kelengkapan radio-komunikasi yang berkaitan dengannya suatu lesen tidak berkuatkuasa adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Adalah menjadi suatu pembelaan dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (3) bahawa penghuni tidak menyedari dan tidak mungkin dengan usaha yang munasabah menyedari tentang adanya kelengkapan radio-komunikasi tersebut di dalam rumah kediaman atau bangunan itu.

Pengecualian dari bab-bab 33, 34 dan 35.

36. Tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pihak Berkuasa, bab-bab 33, 34 dan 35 tidaklah boleh dikenakan kepada mana-mana orang yang telah dikeluarkan dengan suatu lesen untuk memasang atau menjalankan sebarang kelengkapan telekomunikasi di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di mana-mana negara yang menjadi suatu pihak dalam suatu triti atau sebarang penyusunan lain di mana Negara Brunei Darussalam menjadi suatu pihak yang menurutnya lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di setiap negara untuk memasang atau menjalankan sebarang kelengkapan telekomunikasi diiktiraf sebagai mempunyai kuatkuasa di negara lain.

Kuasa untuk menggeledah dan merampas.

37. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh, jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu sistem atau perkhidmatan telekomunikasi telah diadakan, dipasang, diselenggarakan, dikendalikan atau dibekalkan dengan melanggar Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau dengan melanggar sebarang lesen yang diberikan oleh Pihak Berkuasa atau bahawa sebarang kelengkapan telekomunikasi yang digunakan adalah dari jenis yang tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah bab 9 atau bahawa kelengkapan telekomunikasi itu dibawa masuk dengan melanggar sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya —

(a) dalam hal sebarang kelengkapan telekomunikasi atau sebarang sistem atau perkhidmatan telekomunikasi, selain dari sebarang sistem atau perkhidmatan radio-komunikasi, memasuki dan memeriksa mana-mana tempat di mana kelengkapan telekomunikasi itu terletak atau sistem atau perkhidmatan telekomunikasi itu diadakan, dipasang, diselenggarakan, dikendalikan atau dibekalkan, dan boleh merampas sebarang sistem atau kelengkapan telekomunikasi yang dijumpai di dalamnya yang ternyata digunakan untuk atau berhubung dengan telekomunikasi; dan

(b) dalam hal sebarang sistem atau perkhidmatan radio-komunikasi, memasuki mana-mana tempat di Negara Brunei Darussalam atau menahan atau menaiki sebarang vesel, pesawat terbang atau kenderaan dan memeriksa mana-mana tempat di dalamnya dan boleh merampas sebarang sistem atau kelengkapan radio-komunikasi yang dijumpai di dalamnya yang ternyata digunakan atau boleh digunakan untuk atau berhubung dengan radio-komunikasi.

(2) Jika mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah atau sedang dilakukan di bawah bab 33, 34, 35, 39 atau 42, dia boleh merampas sebarang sistem atau kelengkapan telekomunikasi atau sebarang

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

sistem atau kelengkapan radio-komunikasi, atau apa-apa benda lain yang digunakan dalam melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berhubung dengan sebarang kelengkapan atau sistem yang dirampas di bawah bab ini, kelengkapan atau sistem itu hendaklah disifatkan dan dianggap sebagai dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa melainkan jika suatu tuntutan dibuat dalam masa 2 bulan dari tarikh rampasan.

(4) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemilik kelengkapan atau sistem itu boleh memberi notis bertulis sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa kepada Pihak Berkuasa bahawa dia menuntutnya.

(5) Setelah menerima notis ini, Pihak Berkuasa boleh mengarahkan supaya kelengkapan atau sistem itu dilepaskan atau boleh merujukkan perkara itu kepada Mahkamah Majistret.

(6) Mahkamah Majistret boleh terus memeriksa perkara itu dan setelah menjalankan pemeriksaan hendaklah memerintahkan supaya kelengkapan atau sistem itu dirampas atau dilepaskan.

Memeterai sistem atau kelengkapan telekomunikasi dll.

38. (1) Jika pada pendapat mana-mana pegawai polis yang ber pangkat tidak rendah daripada Inspektor bahawa adalah tidak mungkin untuk memindahkan dari tempatnya dijumpai sebarang sistem atau kelengkapan telekomunikasi atau sebarang sistem atau kelengkapan radio-komunikasi yang dirampas olehnya di bawah bab 37 oleh kerana jenis, saiz atau banyaknya, dia boleh dengan apa-apa cara memeterai sistem atau kelengkapan telekomunikasi itu atau sistem atau kelengkapan radio-komunikasi itu.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran yang sah, memecah, mengusik atau merosakkan sebarang meterai yang disebut dalam ceraian (1), atau memindahkan sebarang sistem atau kelengkapan telekomunikasi atau sebarang sistem atau kelengkapan radio-komunikasi yang telah dimeterai di bawah ceraian itu, atau cuba berbuat demikian, adalah melakukan suatu kesalahan.

Menggunakan sistem atau perkhidmatan telekomunikasi yang menyalahi undang-undang.

39. Mana-mana orang yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu sistem atau perkhidmatan telekomunikasi telah diadakan, dipasang, diselenggarakan, dikendalikan atau dibekalkan dengan melanggar Perintah ini, sama ada atau tidak sistem atau perkhidmatan itu disambungkan ke atau dibekalkan melalui pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam, menggunakan sistem atau perkhidmatan itu untuk perhubungan atau bagi melaksanakan sebarang perkhidmatan yang bersampingan dengannya atau menyerahkan sebarang perutusan untuk dihantar dengan sistem atau per-

khidmatan itu atau menerima penyerahan sebarang perutusan yang dihantar adalah melakukan suatu kesalahan.

Menghalang pemegang lesen telekomunikasi awam.

40. (1) Mana-mana orang yang —

(a) semasa berada di dalam mana-mana bangunan yang digunakan bagi maksud-maksud perniagaan pemegang lesen telekomunikasi awam, dengan sengaja menghalang perjalanan perniagaan pemegang lesen yang berkenaan; atau

(b) menyerang atau dengan sengaja menghalang atau menghasut sesiapa juar untuk menghalang atau mengadang seseorang pegawai atau pekerja pemegang lesen telekomunikasi awam dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Pemegang lesen telekomunikasi awam boleh menghendaki supaya mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) meninggalkan bangunan yang digunakan bagi maksud-maksud perniagaannya dan, jika mana-mana pesalah yang dikehendaki demikian enggan atau gagal mematuhi kehendak tersebut, dia boleh diusir oleh seseorang pekerja pemegang lesen tersebut.

Merosakkan dengan sengaja pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi.

41. Mana-mana orang yang bertujuan —

(a) untuk mencegah atau menghalang penghantaran atau penyerahan sebarang perutusan;

(b) untuk memintas atau untuk memaklumi kandungan sebarang perutusan; atau

(c) untuk melakukan khianat,

merosakkan, memindahkan, mengusik atau menyentuh sebarang pepasangan atau loji atau mana-mana bahagiannya yang digunakan untuk telekomunikasi yang dipunyai oleh pemegang lesen telekomunikasi awam atau mengganggu perkhidmatan atau sistem radio-komunikasi pemegang lesen telekomunikasi awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pegawai, pekerja atau ejen pemegang lesen telekomunikasi awam.

42. (1) Mana-mana pegawai, pekerja atau ejen pemegang lesen telekomunikasi awam yang —

(a) dengan sengaja menyorokkan, mlarikan atau mengubah sebarang perutusan atau rekod sebarang perutusan; atau

(b) kecuali bagi mematuhi suatu perintah yang ditandatangani oleh Menteri atau arahan mahkamah, dengan sengaja tidak menghantar atau memintas atau memaklumi atau menahan sebarang perutusan atau sebahagiannya atau dengan sengaja menyebabkan suatu panggilan atau sambungan terputus atau tidak disambung,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Perenggan (b) ceraian (1) tidaklah boleh dikenakan kepada —

(a) sebarang perbuatan atau perkara yang dilakukan oleh seseorang pegawai, pekerja atau ejen pemegang lesen telekomunikasi awam untuk atau berhubung dengan pemasangan suatu talian telekomunikasi, kelengkapan atau pengendalian atau penyelenggaraan suatu sistem telekomunikasi; atau

(b) pengesanan asal usul sebarang panggilan telefon atas permintaan pelanggan suatu perkhidmatan telekomunikasi.

Menggunakan perkhidmatan telekomunikasi dengan cara tipuan.

43. Mana-mana orang yang secara tidak jujur menggunakan atau membentarkan orang lain untuk menggunakan sebarang perkhidmatan telekomunikasi yang dibekalkan oleh pemegang lesen telekomunikasi dengan tujuan untuk mengelakkan pembayaran sebarang caj yang dikenakan atas pembekalan perkhidmatan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Memiliki atau membekalkan apa-apa benda dengan maksud untuk menipu berhubung dengan penggunaan perkhidmatan telekomunikasi.

44. (1) Ceraian (2) hendaklah dikenakan jika seseorang mempunyai dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apa-apa benda yang mungkin digunakan bagi maksud mendapatkan, atau bagi suatu maksud yang ada kaitan dengan mendapatkan, suatu perkhidmatan yang dikenakan bab 43.

(2) Jika orang itu bertujuan —

(a) hendak menggunakan benda yang disebut dalam ceraian (1) —

(i) untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut secara tidak jujur; atau

(ii) bagi suatu maksud yang ada kaitan dengan mendapatkan perkhidmatan tersebut secara tidak jujur;

(b) secara tidak jujur membenarkan benda itu digunakan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut; atau

(c) untuk membenarkan benda itu digunakan bagi suatu maksud yang ada kaitan dengan mendapatkan perkhidmatan tersebut secara tidak jujur,

dia adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Ceraian (4) hendaklah dikenakan jika seseorang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa benda yang mungkin digunakan bagi maksud mendapatkan, atau bagi suatu maksud yang ada kaitan dengan mendapatkan, suatu perkhidmatan yang dikenakan bab 43.

(4) Jika orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan benda yang disebut dalam ceraian (3) mengetahui atau mempercayai bahawa orang yang dibekalkan atau ditawarkan dengan benda itu bertujuan atau bertujuan jika benda itu dibekalkan kepadanya —

(a) hendak menggunakan benda itu —

(i) untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut secara tidak jujur; atau

(ii) bagi suatu maksud yang ada kaitan dengan mendapatkan perkhidmatan tersebut secara tidak jujur;

(b) dengan cara tidak jujur membenarkan benda itu digunakan bagi suatu maksud yang ada kaitan dengan mendapatkan perkhidmatan tersebut secara tidak jujur; atau

(c) untuk membenarkan benda itu digunakan bagi suatu maksud yang ada kaitan dengan mendapatkan perkhidmatan tersebut secara tidak jujur,

dia adalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$100,000,

dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengirim perutusan palsu.

45. Mana-mana orang yang menghantar atau menyebabkan untuk dihantar suatu perutusan yang diketahuinya sebagai palsu atau diada-adakan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan —

(a) dalam hal jika perutusan palsu atau diada-adakan itu mengandungi sebarang rujukan kepada adanya di mana-mana tempat atau lokasi suatu bom atau benda lain yang boleh meletup atau menyala, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 7 tahun atau kedua-duanya sekali; dan

(b) dalam sebarang hal lain, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Menyimpan perutusan dengan cara tipuan.

46. Mana-mana orang yang menyimpan dengan cara tipuan atau dengan sengaja menyorokkan, mlarikan atau menahan suatu perutusan atau rekod suatu perutusan yang sepatutnya diserahkan kepada orang lain atau dikehendaki oleh pemegang lesen telekomunikasi awam untuk menyerahkan sebarang perutusan tersebut atau rekodnya cuai atau enggan berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Melindungi pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi.

47. (1) Tiada sesiapa pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa —

(a) meletakkan atau membawa sebarang saluran utama, paip, pembuluh atau wayar di, di sepanjang, melalui, melintasi, di atas atau di bawah sebarang jalan atau tempat dengan cara yang mungkin mengganggu atau menyebabkan kerosakan pada sebarang pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi; atau

(b) menampalkan sebarang pelekat, iklan, notis atau benda lain di dalam atau di atas, atau mengecat, membubuh minyak tar atau dengan apa-apa cara mencacati sebarang pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi;

(2) Sebarang kebenaran di bawah ceraian (1) boleh ditolak oleh Pihak Berkuasa atau diberikan oleh Pihak Berkuasa atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(3) Jika mana-mana orang melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain, orang lain itu adalah melakukan kesalahan tersebut; dan seseorang boleh dituduh melakukan dan disabitkan atas kesalahan tersebut menurut ceraian ini sama ada atau tidak prosiding diambil terhadap orang yang mula-mula disebutkan.

(4) Dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (1), adalah menjadi suatu pembelaan, tertakluk kepada ceraian (5), bagi orang yang dituduh untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan.

(5) Jika pembelaan yang diperuntukkan oleh ceraian (4) melibatkan suatu tuduhan bahawa kesalahan yang dilakukan itu adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain, orang yang dituduh tidaklah berhak, tanpa kebenaran mahkamah, untuk bersandar kepada pembelaan itu melainkan jika, dalam tempoh yang berakhir 7 hari genap sebelum perbicaraan, dia telah menyampaikan kepada pendakwa suatu notis bertulis yang memberikan maklumat yang mengenalpasti atau membantu dalam mengenalpasti orang lain itu yang ada dalam milikannya pada masa itu.

(6) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, selain dari melucutah sebarang kelengkapan yang dirampas, apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Larangan membuat notis palsu berkenaan dengan pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam.

48. Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran pemegang lesen telekomunikasi awam, meletakkan atau menyelenggarakan di dalam atau di atas mana-mana rumah atau tempat, yang dipunyai olehnya atau di bawah kawalannya, sebarang perkataan, huruf atau tanda yang menyatakan atau membayangkan atau boleh menyebabkan dengan munasabah orang ramai untuk mempercayai bahawa rumah atau tempat itu adalah sebahagian dari pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam adalah melakukan suatu kesalahan.

Kerosakan pada pepasangan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam.

49. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja memindahkan, membinasakan atau merosakkan sebarang pepasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), mana-mana orang yang, semasa menjalankan sebarang kerja tanah, merosakkan atau membiarkan sebarang kabel suatu sistem telekomunikasi dirosakkan yang dipunyai oleh atau di bawah pengurusan atau kawalan pemegang lesen sistem telekomunikasi adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$1 juta, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Jika suatu kesalahan di bawah ceraian (2) dilakukan oleh mana-mana orang yang bertindak sebagai ejen atau pekerja orang lain, ataupun sebaliknya ter-takluk kepada pengawasan atau arahan orang lain bagi maksud-maksud sebarang pekerjaan yang semasa menjalankannya kesalahan itu dilakukan, orang lain itu hendaklah, tanpa menjelaskan liabiliti orang yang mula-mula disebutkan, bertanggungan di bawah ceraian itu mengikut cara yang sama dan setakat yang sama seolah-olah dia telah melakukan sendiri kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya atau bahawa kesalahan itu bukan berpunca dari sebarang kecuaian di pihaknya.

(4) Dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (2), adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dituduh untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah berhati-hati yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan.

(5) Jika dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (2) pembelaan itu melibatkan tindakan atas maklumat yang diberikan oleh pemegang lesen sistem telekomunikasi atau pekerja pengesan kabel telekomunikasi berlesen, orang yang dituduh tidaklah berhak, tanpa kebenaran mahkamah, untuk bersandar kepada pembelaan itu melainkan jika dalam tempoh 14 hari genap sebelum perbicaraan, dia telah menyampaikan kepada pendakwa suatu notis secara bertulis yang memberikan maklumat yang ada dalam milikannya pada masa itu yang mengenalpasti atau membantu dalam mengenalpasti pemegang lesen sistem telekomunikasi atau pekerja pengesan kabel telekomunikasi itu.

Pampasan kerana kerosakan yang berlaku pada pepasan atau loji pemegang lesen telekomunikasi awam.

50. (1) Mana-mana orang yang memindahkan, membinasakan atau merosakkan, sama ada dengan sengaja, cuai, secara kebetulan ataupun selainnya, pepasan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi hendaklah, selain dari sebarang hukuman yang boleh dikenakan kepadanya atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini, bertanggungan untuk membayar pampasan kerana kerosakan yang telah dilakukan olehnya dan pampasan itu boleh didapatkan kembali dengan tindakan atau guaman sivil di hadapan mana-mana mahkamah berbidang kuasa yang layak.

(2) Tertakluk kepada ceraian (1), mana-mana mahkamah yang di hadapannya seseorang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh menaksir pampasan yang kena dibayar di bawah bab ini dan boleh membuat suatu perintah bagi pembayarannya.

(3) Sebarang perintah di bawah ceraian (2) boleh dikuatkuasakan seolah-olah perintah itu adalah suatu penghakiman dalam suatu tindakan atau guaman sivil.

Hukuman kerana menanggalkan apa-apa tanda yang menunjukkan peranti telah digunakan bagi maksud-maksud telefon.

51. (1) Mana-mana orang yang, dengan niat untuk menipu, memadam atau menanggalkan dari sebarang peranti, apa-apa tanda yang dibubuh atau ditera pada peranti itu yang menunjukkan bahawa ia telah digunakan, atau menjual atau menggunakan sebarang peranti itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud bab ini, "peranti" bermakna sebarang peranti yang dibekalkan untuk digunakan oleh pemegang lesen telekomunikasi awam bagi mengakses sebarang kelengkapan telekomunikasi pemegang lesen itu untuk membolehkan perkhidmatan telekomunikasi pemegang lesen itu digunakan.

Kegagalan untuk memutuskan kelengkapan yang tidak dibenarkan di bawah bab 9.

52. Jika —

(a) mana-mana orang mempunyai di bawah kawalannya suatu sistem atau kelengkapan telekomunikasi yang disambungkan ke sistem atau kelengkapan telekomunikasi pemegang lesen sistem telekomunikasi yang bukan dari jenis yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah bab 9;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(b) Pihak Berkuasa telah memberi kepada orang itu suatu notis bertulis yang menyatakan bahawa —

- (i) sistem atau kelengkapan telekomunikasi di bawah kawalannya itu adalah dari jenis yang tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah bab 9; dan
- (ii) orang itu mestilah memutuskan sistem atau kelengkapan telekomunikasi tersebut dari sistem atau kelengkapan telekomunikasi pemegang lesen sistem telekomunikasi itu dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu; dan

(c) orang itu telah gagal mematuhi sebarang notis bertulis di bawah perenggan (b),

maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VII

OBLIGASI ANTARABANGSA DAN KEPENTINGAN NEGARA

Hak untuk menjalankan urusan perniagaan antarabangsa.

53. Bagi maksud-maksud menjalankan sebarang perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa oleh pemegang lesen telekomunikasi awam, dan tertakluk kepada Perintah ini, pemegang lesen itu boleh membuat hubungan langsung, penyusunan dan perjanjian dengan pihak berkuasa telekomunikasi mana-mana negara yang ditubuhkan secara sah atau dengan mana-mana agensi atau organisasi antarabangsa yang telah diberi kuasa yang ada kaitannya dengan perkara-perkara telekomunikasi bagi maksud menyediakan kemudahan, menetapkan kadar, menentukan syarat-syarat pembayaran atau perakaunan, bagi maksud-maksud pengendalian, kejuruteraan atau pentadbiran atau bagi sebarang maksud lain yang perlu untuk melaksanakan tugas-tugasnya yang sepatutnya.

Hak antarabangsa Kerajaan yang utama.

54. Tiada sebarang apa pun dalam bab 53 boleh dianggap sebagai membatalkan hak Kerajaan pada bila-bila masa untuk menentukan hubungannya dengan mana-mana negara atau dengan mana-mana agensi atau organisasi antarabangsa dan pemegang lesen telekomunikasi awam hendaklah menunaikan tanggungjawabnya dan menjalankan perniagaannya bagi mematuhi dan melaksanakan semua perjanjian, konvensyen atau perusahaan antarabangsa berkenaan dengan telekomunikasi di mana Negara Brunei Darussalam menjadi suatu pihak.

Tanggungan obligasi kewangan antarabangsa.

55. Pemegang lesen telekomunikasi awam hendaklah bertanggungjawab se-penuhnya untuk memenuhi segala obligasi kewangan yang timbul dari pengen-dalian sebarang perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa dan hendaklah menyelesaikan akaun dengan pihak-pihak berkuasa telekomunikasi yang lain.

Sumbangan Kerajaan.

56. Jika Kerajaan menganggapnya perlu bahawa sebarang perkhidmatan tele-komunikasi yang luar biasa bentuknya patut dibekalkan, dan jika pemegang lesen telekomunikasi awam menganggapnya tidak menguntungkan untuk membekalkan perkhidmatan itu tanpa sumbangan daripada Kerajaan, Kerajaan boleh membuat sumbangan tersebut untuk perbelanjaan modal yang perlu bagi membekalkan sebarang perkhidmatan sebagaimana yang mungkin dianggarkan oleh pemegang lesen tersebut dan dipersetujui oleh Kerajaan.

Pembekalan kepada Kerajaan perkhidmatan telekomunikasi dll.

57. Menteri boleh mengarahkan pemegang lesen telekomunikasi awam untuk menjalankan dan membekalkan perkhidmatan dan kemudahan telekomunikasi sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi maksud-maksud penerbangan, maritim, metereologi, Kerajaan, pertahanan atau maksud-maksud lain dan setelah diarahkan demikian, pemegang lesen tersebut hendaklah membekalkan per-khidmatan atau kemudahan itu, dan adalah berhak mendapat bayaran yang ber-patutan dan wajar.

Sistem pembekalan perkhidmatan sejagat.

58. Pihak Berkuasa boleh, dengan kebenaran Menteri, menentukan suatu sistem untuk menggalakkan adanya dan penggunaan yang meluas perkhidmatan tele-komunikasi di seluruh Negara Brunei Darussalam dengan menggalakkan pe-masangan sistem telekomunikasi di kawasan yang kurang mendapat kemudahan atau untuk kumpulan yang kurang mendapat kemudahan di dalam masyarakat.

Takrifan "kawasan yang kurang mendapat kemudahan" dan "kumpulan yang kurang men-dapat kemudahan di dalam masyarakat".

59. (1) Penentuan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa di bawah bab 58 hendaklah termasuk takrifan-takrifan "kawasan yang kurang mendapat kemudahan" dan "kumpulan yang kurang mendapat kemudahan di dalam masyarakat".

(2) Dalam menentukan takrifan "kawasan yang kurang mendapat ke-mudahan", Pihak Berkuasa boleh memberi perhatian kepada —

(a) tahap persaingan di kawasan atau tempat tertentu;

(b) adanya perkhidmatan telekomunikasi di kawasan atau tempat tertentu; dan/atau

(c) daya maju komersial dengan pemasangan sistem telekomunikasi di kawasan atau tempat tertentu.

(3) Dalam menentukan takrifan "kumpulan yang kurang mendapat kemudahan di dalam masyarakat", Pihak Berkuasa boleh memberi perhatian kepada —

(a) adanya perkhidmatan kepada kumpulan itu; dan/atau

(b) sebarang halangan terhadap penggunaan perkhidmatan yang ada.

Dana Pembekalan Perkhidmatan Sejagat.

60. Bagi maksud-maksud Perintah ini, suatu dana yang dikenali sebagai Dana Pembekalan Perkhidmatan Sejagat (Dana PPS) adalah ditubuhkan dan dana tersebut hendaklah dikawal dan dikendalikan oleh Pihak Berkuasa.

Arahan Menteri.

61. (1) Menteri boleh, setelah berunding dengan Pihak Berkuasa atau manama pemegang lesen telekomunikasi awam, memberikan kepada Pihak Berkuasa atau pemegang lesen tersebut, mengikut mana yang berkenaan, arahan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri tentang tugas-tugas yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa atau pemegang lesen tersebut di bawah Perintah ini.

(2) Tanpa menjelaskan ceraian (1), jika pada pendapat Menteri adalah perlu atau mustahak untuk berbuat demikian —

(a) apabila berlaku sebarang darurat awam, bagi kepentingan awam atau bagi kepentingan keselamatan awam, pertahanan negara, atau hubungan dengan Kerajaan negara lain; atau

(b) bagi —

(i) menunaikan atau memudahkan obligasi yang mengikat Kerajaan ditunaikan oleh sebab keahliannya dalam suatu pertubuhan antarabangsa atau menjadi suatu pihak dalam suatu perjanjian antarabangsa.

(ii) mencapai atau memudahkan pencapaian sebarang matlamat lain yang pencapaiannya adalah pada pendapat Menteri perlu atau mustahak memandangkan Kerajaan menjadi ahli suatu pertubuhan antarabangsa atau menjadi suatu pihak dalam suatu perjanjian antarabangsa; atau

- (iii) membolehkan Kerajaan untuk menjadi ahli suatu pertubuhan antarabangsa atau menjadi suatu pihak dalam suatu perjanjian antarabangsa,

Menteri boleh, setelah berunding dengan Pihak Berkuasa atau mana-mana pemegang lesen telekomunikasi awam, memberikan arahan kepada Pihak Berkuasa atau pemegang lesen tersebut sebagaimana yang diperlukan dalam hal keadaan kes itu.

(3) Sebarang arahan yang diberikan di bawah ceraian (1) atau (2) boleh termasuk —

(a) peruntukan-peruntukan bagi melarang atau mengawalselia penggunaan telekomunikasi dalam semua kes atau dari kes-kes sebagaimana yang mungkin dianggap perlu;

(b) peruntukan-peruntukan bagi mengambil, mengawal atau menggunakan untuk tujuan rasmi, semua atau sebarang sistem dan kelengkapan telekomunikasi itu; dan

(c) peruntukan-peruntukan bagi menghentikan, menangguhkan dan menapis perutusan dan menjalankan sebarang maksud lain yang difikirkan perlu oleh Menteri.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam sebarang arahan yang diberikan di bawah ceraian (3) boleh dikenakan kepada penggunaan sebarang telekomunikasi bagi maksud membuat atau menjawab isyarat kecemasan.

(5) Pihak Berkuasa dan mana-mana pemegang lesen telekomunikasi awam hendaklah mengakuasakan sebarang arahan yang diberikan kepadanya di bawah ceraian (1) atau (2) walaupun sebarang kewajipan lain dikenakan kepada Pihak Berkuasa atau pemegang lesen tersebut oleh atau di bawah Perintah ini.

(6) Pihak Berkuasa dan mana-mana pemegang lesen telekomunikasi awam tidaklah boleh mendedahkan sebarang arahan yang diberikan kepada orang itu di bawah ceraian (1) atau (2) jika Menteri memberitahu orang itu bahawa Menteri berpendapat bahawa pendedahan arahan itu adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

(7) Menteri boleh —

(a) membayar pampasan kerana sebarang kerosakan yang berlaku kepada pemegang lesen telekomunikasi awam oleh sebab arahan Menteri di bawah perenggan (b) ceraian (3) dipatuhi olehnya; atau

(b) membuat pemberian kepada pemegang-pemegang lesen telekomunikasi awam untuk membayar atau membuat sumbangan bagi sebarang

kerugian yang mungkin mereka tanggung oleh sebab arahan Menteri di bawah sebarang peruntukan lain bab ini dipatuhi oleh mereka.

(8) Sebarang jumlah wang yang dikehendaki oleh Menteri untuk membayar pampasan atau membuat pemberian di bawah ceraian (7) hendaklah dibayar dari Kumpulanwang Yang Disatukan.

(9) Jika sebarang keraguan timbul tentang adanya darurat awam atau tentang sama ada sebarang perbuatan yang dilakukan di bawah bab ini adalah bagi kepentingan awam atau bagi kepentingan keselamatan awam, pertahanan negara atau hubungan dengan Kerajaan negara lain, suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.

BAHAGIAN VIII

KUASA DAN PROSEDUR PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk menghendaki maklumat dll.

62. (1) Pihak Berkuasa atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu boleh, untuk tujuan menunaikan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini, dengan perintah —

(a) menghendaki mana-mana orang untuk memberikan kepada Pihak Berkuasa sebarang maklumat yang ada dalam milikannya yang berkaitan dengan sebarang perkhidmatan telekomunikasi atau sistem telekomunikasi; dan

(b) menghendaki mana-mana orang yang ada dalam jagaannya atau di bawah kawalannya sebarang dokumen yang berkaitan dengan sebarang perkhidmatan telekomunikasi atau sistem telekomunikasi —

- (i) untuk memberikan kepada Pihak Berkuasa satu salinan atau cabutan dari dokumen itu; atau
- (ii) melainkan jika dokumen itu merupakan sebahagian dari rekod atau dokumen lain mahkamah atau pihak berkuasa awam, untuk menghantar dokumen itu sendiri kepada Pihak Berkuasa untuk diperiksa.

(2) Pihak Berkuasa atau pegawai yang telah diberi kuasa itu adalah berhak tanpa bayaran untuk menyimpan sebarang salinan atau cabutan yang diberikan kepadanya di bawah ceraian (1).

(3) Pihak Berkuasa atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu hendaklah pada setiap masa yang munasabah pada

waktu siang mempunyai akses penuh dan bebas ke semua bangunan, tempat, buku, dokumen dan kertas lain untuk tujuan menunaikan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini, dan boleh, tanpa bayaran, memeriksa, menyalin atau membuat cabutan dari sebarang buku, dokumen atau kertas tersebut.

(4) Pihak Berkuasa boleh mengambil milik sebarang kelengkapan, buku, dokumen atau kertas jika pada pendapatnya —

(a) kelengkapan, buku, dokumen atau kertas itu mungkin diusik atau dimusnahkan melainkan jika pemilikan diambil; atau

(b) kelengkapan, buku, dokumen atau kertas itu mungkin dikehendaki sebagai keterangan dalam prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(5) Hak-hak yang diberikan oleh bab ini hendaklah, berkenaan dengan maklumat yang direkodkan melainkan dalam bentuk yang mudah dibaca termasuk hak untuk menghendaki supaya maklumat disediakan dalam bentuk yang mudah dibaca untuk diperiksa atau supaya satu salinan atau cabutan dibuat darinya.

(6) Mana-mana orang yang —

(a) gagal mematuhi sebarang kehendak yang dinyatakan dalam sebarang perintah di bawah ceraian (1);

(b) dengan sengaja mengubah, memadamkan atau memusnahkan sebarang dokumen atau maklumat yang dikehendaki oleh sebarang perintah di bawah ceraian (1) untuk diberikan atau diantar olehnya; atau

(c) dalam memberikan sebarang maklumat yang dikehendaki daripadanya di bawah sebarang perintah di bawah ceraian (1), membuat sebarang pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu dalam sesuatu butiran penting, atau dengan melulu membuat sebarang pernyataan yang palsu dalam sesuatu butiran penting,

ialah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$50 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

(7) Tiada sesiapapun boleh menurut bab ini dikehendaki untuk mendedahkan sebarang butiran yang mengenainya dia mempunyai kewajipan berkanun untuk merahsiakannya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kuasa untuk menangkap dan memeriksa berkaitan dengan kesalahan-kesalahan boleh tangkap.

63. (1) Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran —

(a) mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau menggaji atau membantu mana-mana orang untuk melakukan suatu kesalahan boleh tangkap di bawah Perintah ini, atau

(b) mana-mana orang yang terhadapnya terdapat syak yang munasabah bahawa dia telah melakukan suatu kesalahan boleh tangkap di bawah Perintah ini,

dan boleh memeriksa mana-mana orang yang ditangkap itu, kecuali bahawa tiada perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seorang perempuan.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap itu hendaklah, berserta dengan apa-apa barang yang mengenainya suatu kesalahan mungkin telah dilakukan atau cuba dilakukan, dibawa ke sebuah balai polis.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab-bab 33, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 49 dan 52 hendaklah dianggap sebagai kesalahan-kesalahan boleh tangkap dalam makna Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

Kuasa untuk memeriksa dan menangkap berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah bab 33 atau 44.

64. (1) Apabila pada pendapat mana-mana pegawai polis bahawa suatu kesalahan di bawah bab 33 atau 44 sedang dilakukan atau hendak dilakukan atau cuba dilakukan, atau bahawa apa-apa barang disembunyikan atau disimpan atau dimasukkan di dalam atau di atas sebarang vesel, pesawat terbang, kenderaan atau bangunan dengan melanggar salah satu dari bab-bab itu, pegawai polis tersebut boleh, jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelambatan mendapatkan suatu waran geledah barang itu mungkin dipindahkan —

(a) menahan dan memeriksa vesel, pesawat terbang atau kenderaan itu atau memasuki bangunan itu dan mencari dan mengambil milik apa-apa barang dan mana-mana buku atau dokumen yang dipercayai dengan munasabah ada kaitan dengan kes itu; dan

(b) menangkap mana-mana orang yang berada di dalam vesel, pesawat terbang, kenderaan atau bangunan itu yang dalam milikannya barang itu mungkin dijumpai atau yang mungkin disyaki dengan munasabah oleh pegawai polis tersebut telah menyembunyikan atau menyimpan barang itu

dan boleh memeriksa mana-mana orang yang ditangkap itu, kecuali bahawa tiada perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seorang perempuan.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap itu hendaklah, berserta dengan mana-mana barang tersebut, dibawa ke sebuah balai polis.

Menghalang pegawai polis.

65. Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang seseorang pegawai polis yang melaksanakan kewajipannya di bawah bab 37 atau 64 adalah melakukan suatu kesalahan.

Kos atau gantirugi atau pelepasan lain yang timbul dari rampasan tidak boleh didapatkan kembali melainkan jika rampasan adalah tanpa sebab yang munasabah atau mungkin.

66. Tiada sesiapapun boleh, dalam sebarang prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkaitan dengan sebarang kelengkapan, barang, buku atau dokumen yang dirampas pada menjalankan atau dikatakan pada menjalankan sebarang kuasa yang diberikan di bawah Perintah ini, berhak terhadap kos prosiding tersebut atau sebarang gantirugi atau pelepasan lain selain dari suatu perintah bagi pengembalian kelengkapan, barang, buku atau dokumen itu atau pembayaran nilainya melainkan jika rampasan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau mungkin.

Komposisi kesalahan.

67. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang khusus diberi kuasa atas nama bagi maksud itu oleh Menteri, atau mana-mana pekerja Pihak Berkuasa yang khusus diberi kuasa atas nama bagi maksud itu oleh Ketua Eksekutif, boleh atas budi bicaranya mengkompaun sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi dari \$1,000.

(2) Pihak Berkuasa boleh, dengan kebenaran Menteri, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

(3) Semua jumlah wang yang dipungut di bawah bab ini hendaklah dibayar kepada Pihak Berkuasa.

Hukuman am.

68. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya di mana tiada hukuman di-

peruntukkan dengan nyata hendaklah, selain dari melucuthak apa-apa barang yang dirampas, apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengecualikan pendakwaan di bawah undang-undang bertulis lain.

69. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa di bawah sebarang undang-undang bertulis lain kerana sebarang perbuatan atau peninggalan yang menjadi suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, atau daripada dikenakan di bawah undang-undang bertulis lain itu sebarang siksaan atau hukuman yang lebih tinggi atau selain dari yang diperuntukkan oleh Perintah ini atau peraturan-peraturannya, tetapi tiada sesiapapun boleh dihukum dua kali kerana kesalahan yang sama.

Bidang kuasa Mahkamah.

70. Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan semua kesalahan di bawah Perintah ini dan, dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang berlawanan dalam Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7), hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman atau siksaan penuh berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini.

Kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan orang.

71. Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan adalah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa atau rakan kongsi suatu syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain atau dikatakan bertindak atas jawatan tersebut adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan yang sepatutnya dijalankan olehnya, dengan memberi perhatian kepada jenis tugas-tugasnya dalam jawatan tersebut dan semua hal keadaan.

BAHAGIAN IX
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

Rayuan kepada Menteri.

72. (1) Mana-mana pemegang lesen telekomunikasi yang tidak puas hati dengan —

(a) sebarang keputusan Pihak Berkuasa pada menjalankan sebarang budi bicara yang terletakhak padanya menurut atau di bawah Perintah ini; atau

(b) apa-apa juga yang terkandung dalam sebarang tataamalan atau piawaian prestasi atau dalam sebarang arahan Pihak Berkuasa yang diberikan di bawah bab 27,

boleh merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, jika suatu rayuan dibuat di bawah bab ini keputusan, arahan atau perkara lain yang dirayu itu hendaklah dipatuhi sehingga rayuan itu diputuskan.

(3) Menteri boleh memutuskan suatu rayuan di bawah bab ini dengan mengesahkan, mengubah atau membatalkan sebarang keputusan atau arahan Pihak Berkuasa atau dengan meminda sebarang tataamalan atau piawaian prestasi.

(4) Keputusan Menteri dalam sebarang rayuan adalah muktamad.

Pengecualian tanggungan pemegang lesen telekomunikasi awam.

73. Pemegang lesen telekomunikasi awam tidaklah bertanggungan berkaitan dengan sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana orang kerana —

(a) sebarang kegagalan untuk membekalkan atau kelambatan membekalkan sebarang perkhidmatan telekomunikasi atau sebarang kelengkapan yang berkaitan dengannya atau perkhidmatan yang bersampingan dengannya;

(b) sebarang kegagalan, gangguan, penggantungan atau sekatan sebarang perkhidmatan telekomunikasi atau perkhidmatan yang bersampingan dengannya atau kelambatan, atau kerosakan sebarang perhubungan melalui telekomunikasi;

(c) apa-apa kesilapan dalam, atau peninggalan, sebarang maklumat yang dihantar melalui telekomunikasi; atau

(d) sebarang kehilangan rahsia dalam perhubungan yang berpunca dari penggunaan sebarang perkhidmatan telekomunikasi,
yang disebabkan oleh perbuatan atau keingkaran orang lain, atau suatu kemalangan atau sesuatu sebab lain di luar kawalan pemegang lesen telekomunikasi awam.

Penyampaian dokumen.

74. (1) Melainkan jika diperuntukkan dengan nyata sebaliknya dalam Perintah ini, sebarang notis, perintah atau dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya untuk diberikan atau disampaikan kepada mana-mana orang, dan sebarang saman yang dikeluaran oleh mahkamah berhubung dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh disampaikan kepada orang yang berkenaan —

(a) dengan menyerahkannya kepada orang itu atau kepada seseorang ahli dewasa keluarganya atau pekerja keluarganya di tempat kediamannya yang terakhir diketahui;

(b) dengan meninggalkannya di tempat kediaman atau tempat perniagaannya yang biasa atau terakhir diketahui dalam suatu sampul surat yang dialamatkan kepadanya;

(c) dengan menampalkannya pada suatu bahagian yang mudah dilihat di tempat kediamannya yang terakhir diketahui;

(d) dengan mengirimkannya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediaman atau tempat perniagaannya yang biasa atau terakhir diketahui; atau

(e) jika orang itu adalah suatu badan korporat —

(i) dengan menyerahkannya kepada setiausaha atau pegawai lain badan korporat itu yang sama di pejabat berdaftar atau utamanya; atau

(ii) dengan mengirimkannya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada badan korporat itu di pejabat berdaftar atau utamanya.

(2) Sebarang notis, perintah, dokumen atau saman yang dikirimkan melalui pos berdaftar kepada mana-mana orang menurut ceraian (1) hendaklah dianggap telah disampaikan kepada orang yang dialamatkan surat itu pada masa apabila surat itu, dalam perjalanan biasa pos, akan diserahkan dan untuk membuktikan penyampaiannya, adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa sampul surat

yang mengandungi notis, perintah, dokumen atau saman itu telah dialamatkan, dibubuh setem dan dipos dengan sempurna melalui pos berdaftar.

Perkara yang dikecualikan.

75. Perintah ini tidaklah boleh dikenakan kepada pelesenan sebarang perkhidmatan penyiaran atau sebarang alat penyiaran di bawah Akta Penyiaran (Penggal 180) kecuali berkaitan dengan pengawalseliaan sebarang sistem telekomunikasi yang dikehendaki bagi pengendalian sebarang perkhidmatan penyiaran atau kebenaran sebarang alat penyiaran yang digunakan menurut bab 9.

Pengecualian oleh Menteri.

76. Menteri boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

Peraturan-peraturan.

77. (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan kebenaran Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi sebarang maksud di mana peraturan-peraturan adalah dikehendaki untuk dibuat di bawah Perintah ini dan pada amnya untuk menjalankan maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), Pihak Berkuasa boleh, dengan kebenaran Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan semua atau sebarang perkara yang berikut —

- (a) peperiksaan kemahiran, termasuk sukatan pelajaran dan butir-butirnya, bagi memperakui kecekapan individu mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi atau bagi pemberian sebarang lesen oleh Pihak Berkuasa;
- (b) jenis-jenis dan syarat-syarat pemberian lesen oleh Pihak Berkuasa;
- (c) berkenaan dengan lesen kerja pengesanan kabel —
 - (i) jenis atau jenis-jenis lesen yang hendak diberikan, bentuk dan tempoh lesen itu, terma-terma dan syarat-syarat yang atasnya, dan hal keadaan bagaimana, lesen itu boleh diberikan, dipegang, digantung, dibatalkan, diubah, disambung, dibaharu atau digantikan dan bayaran yang kena dibayar berkaitan dengan gannya;
 - (ii) kelayakan-kelayakan dan kehendak-kehendak lain bagi pemohon-pemohon lesen itu, peperiksaan atau ujian pemohon-pemohon itu, bayaran yang kena dibayar berkaitan dengan peperiksaan atau ujian tersebut dan hal keadaan bagaimana

dan syarat-syarat yang atasnya pemohon boleh dikecualikan dari peperiksaan atau ujian itu; dan

(iii) kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab pengesan kabel berlesen;

(d) kawalan dan pengawalseliaan urusniaga dalam dan penggunaan kelengkapan telekomunikasi;

(e) kawalan dan pengawalseliaan gangguan oleh gelombang radio atau elektrik atau cara telekomunikasi lain di Negara Brunei Darussalam;

(f) kawalan dan pengawalseliaan pemasangan, pendawaian, pengkabelan dan jenis-jenis kerja lain yang akan dijalankan ke atas sistem telekomunikasi pemegang lesen telekomunikasi awam;

(g) perlaksanaan bab 58;

(h) sumbangan oleh pemegang-pemegang lesen telekomunikasi di bawah Perintah ini kepada Dana PPS dan sebarang perkara lain yang berkaitan atau bersampingan dengan penubuhan dan pengendalian Dana PPS.

Pemansuhan.

78. Akta Telekom (Penggal 54) adalah dengan ini dimansuhkan.

Pengecualian dan peruntukan-peruntukan peralihan.

79. (1) Sebarang skim, kontrak, dokumen, lesen, kebenaran atau ketetapan yang disediakan, dibuat, diberikan atau dibenarkan oleh JTB berkenaan dengan perkara-perkara telekomunikasi di bawah Akta yang dimansuhkan itu hendaklah, setakat mana yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya dalam Perintah ini atau dalam sebarang undang-undang bertulis lain, terus dan dianggap telah disediakan, dibuat, diberikan atau dibenarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini yang bersamaan.

(2) Sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan itu atau sebarang undang-undang bertulis lain berkenaan dengan perkara-perkara telekomunikasi dan berkuatkuasa sejurus sebelum hari yang ditetapkan hendaklah, setakat mana yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, terus berkuatkuasa seolah-olah dibuat di bawah Perintah ini sehingga ia dibatalkan atau dimansuhkan oleh undang-undang tambahan yang dibuat di bawah Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 10 haribulan Mei, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**